

BAB VII

HUATUAN KE ARAH PENCARIAN JALAN KELUAR, 1991- 1999

7.1 Pengenalan

Pertubuhan Huatuan di Malaysia merupakan badan sukarela komuniti Cina yang pada asalnya ditubuhkan untuk menjaga kebajikan ahli-ahlinya sahaja. Namun akibat keperluan yang mendesak, kita dapat melihat bagaimana Huatuan telah berubah menjadi pelindung dan pejuang hak dan kepentingan masyarakat Cina. Demi mengekang penghakisan kepentingan orang Cina yang semakin berlaku ekoran daripada hegemoni politik Melayu, para pemimpin dan aktivis Huatuan sanggup mencuba berbagai-bagi strategi dalam perjuangan mereka. Ini termasuklah menyertai badan pemerintah dan juga parti pembangkang. Kita juga dapat mengenal pasti hala perjuangan Huatuan dalam dekad 80-an ialah ke arah penyempurnaan sistem demokrasi melalui pembabitan dalam politik.

Senario politik Malaysia dalam dekad 90-an agak berbeza dengan era sebelumnya. Pentadbiran Dr. Mahathir telah melakukan liberalisasi dalam beberapa bidang yang memberi kelegaan kepada banyak pihak. Perkembangan ekonomi yang mampan turut membolehkan rakyat menikmati kemakmuran ekonomi dan keselesaan hidup. Perkembangan ini yang ditokok dengan kejayaan DEB telah melahirkan satu kelas menengah yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia.¹ Kemunculan kelas menengah ini yang mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat civil memberi harapan baru kepada pendemokrasian politik Malaysia.

¹ Untuk perbincangan tentang pembentukan dan pengaruh kelas menengah di Malaysia, lihat umpamanya Abdul Rahman (1998 & 2001).

Hal ini demikian kerana terdapat peningkatan dalam kesedaran bagi menyertai politik dan hak berpolitik serta hak sivil di kalangan rakyat. Kecenderungan ini sudah tentu memberi kesan kepada percaturan politik Malaysia. Dalam hal ini pergerakan Huatuan turut dipengaruhi arus perkembangan tersebut. Bab ini mengupas arah perjuangan Huatuan dalam tahun 90-an.

7.2 Pertentangan Dua Aliran Pergerakan Huatuan dan Pilihan Raya Umum

1995

Dekad 80-an menyaksikan pergerakan Huatuan bersatu padu dalam usaha menggembungkan tenaga masyarakat Cina massa untuk memperjuangkan hak dan kepentingan mereka. Pembabitan Huatuan dalam pilihan raya umum 1990 memperlihatkan kemuncak usaha tersebut. Perjuangan Huatuan yang berlandaskan hak sivil dan pembentukan satu sistem demokrasi yang lebih sempurna melalui gagasan Sistem Dua Barisan telah memberi kesedaran dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Cina. Perkembangan ini memberi satu impak yang besar kepada politik orang Cina Malaysia. Atas kegelisahan ini, maka parti-parti politik Cina dalam kerajaan telah berusaha mengubah hala perjuangan Huatuan sehingga kemudiannya mengakibatkan perbalahan dan perpecahan dalam pergerakan Huatuan. Namun segala pertentangan dan perubahan itu perlu ditinjau dengan melihat dasar liberalisasi kerajaan terlebih dahulu.

7.2.1 Dasar Liberalisasi Kerajaan BN

Setelah Dr. Mahathir berjaya menangani perpecahan UMNO tahun 1987 dan kegawatan politik negara dengan pelancaran Operasi Lalang, pemimpin tertinggi itu mula mengurangkan gaya autoritariannya dengan menerapkan unsur-unsur liberal

dalam pentadbirannya. Bermula dengan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) dalam bulan Disember 1988,² Dr. Mahathir melancarkan satu siri dasar yang dianggap lebih liberal seperti Dasar Pembangunan Negara (DPN), Wawasan 2020, dan liberalisasi pendidikan bagi melayani rungutan dan ketidakpuasan golongan bukan Bumiputera, terutamanya kaum Cina pada era pelaksanaan DEB. Malah Milne & Mauzy (1999 : 96) berpendapat bahawa kesediaan kerajaan untuk melayan permintaan-permintaan komuniti Cina bertujuan menangani kehilangan undi orang Cina yang dialami oleh BN dalam pilihan raya umum 1990 .

Memandangkan DEB akan tamat pada tahun 1990 dan desakan golongan bukan Melayu untuk mengkaji semula DEB, kerajaan pimpinan Dr. Mahathir bersetuju menuju MAPEN dalam bulan Disember 1988. Majlis perundingan yang mengandungi 150 orang ahli itu dianggotai wakil-wakil dari parti pemerintah dan pembangkang, kesatuan pekerja, persatuan, kumpulan etnik minoriti, ahli ekonomi, ahli akademik, cendekiawan, dan bekas pegawai kerajaan. Persatuan-persatuan Cina yang dijemput menganggotai majlis tersebut ialah ACCCIM, DPCS, dan Dongjiaozong.³ Dengan komposisi perwakilan yang begitu luas, langkah itu dilihat sebagai langkah bijak pentadbiran Dr. Mahathir untuk memberi peluang kepada berbagai-bagai pihak membahaskan polisi ekonomi pasca-DEB dan seterusnya berusaha menangani ketidakpuasan etnik. Namun ada pula penganalisis

² Pembentukan MAPEN berkemungkinan besar merupakan hasil permintaan dan desakan Dr. Ling Liang Sik, Presiden MCA pada waktu itu, lihat Heng (1997 : 286) dan Jomo (1994 : 29)

³ Untuk senarai wakil Huatuan dalam MAPEN, lihat *Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara* (1991 : 327-350). Walau bagaimanapun wakil dari Jiaozong menarik diri daripada MAPEN pada 22 Ogos 1989, manakala wakil dari Dongzong dan DPCS pula mengambil tindakan yang sama pada 24 Ogos 1989, lihat (Ibid. : 12-13). Untuk sebab-sebab penarikan ini, lihat Kua (1990d : 3).

politik menganggap tindakan itu sebagai langkah bagi melenyapkan pengkritik dan penentang kerajaan BN dengan meletakkan segala perjalanan mesyuarat, perbahasan, dan dokumen di bawah kawalan Akta Rahsia Rasmi (Mauzy 1993 : 118-119).

Kerajaan telah berjanji untuk melaksanakan cadangan-cadangan MAPEN dalam dasar ekonomi negara sekiranya terdapat kata sepakat dalam majlis itu (Ibid. : 118). Oleh sebab komposisi ahlinya yang sungguh berbeza maka persetujuan yang diharapkan itu sukar dicapai. Malah Dr. Mahathir sendiri telah meragui kesanggupan MAPEN melaksanakan tugasnya dan oleh sebab kesukaran untuk mencapai persetujuan, maka pemimpin itu dilaporkan berkata bahawa kerajaan tidak akan terikat dengan saranan majlis perundingan tersebut (Ibid. : 119). Bagaimanapun akhirnya sebuah laporan bernama *Dasar Ekonomi untuk Pembangunan Negara* (DEPAN) yang mencerminkan kesepakatan ahlinya dapat disediakan dalam bulan Februari 1991 setelah perbahasan dan pertembungan idea hangat selama 25 bulan. Namun sesetengah sarjana menganggap laporan itu kurang mempengaruhi penggubalan DPN, pengganti kepada DEB (Jomo 1994 : 49).

Hakikat di atas dapat diperlihatkan kerana dalam masa yang sama kerajaan turut menugaskan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri menggubal Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Rancangan Malaysia Keenam (Milne & Mauzy 1999 : 72). Ini menunjukan kerajaan memang sudah memilih tindakannya yang tersendiri dalam penggubalan dasar ekonomi pasca-DEB.

Kedua-dua buah dokumen penting itu telah diluluskan oleh Parlimen masing-masing dalam bulan Jun dan Julai 1991, iaitu sebelum pengumuman laporan MAPEN.⁴

Penelitian terhadap kandungan RRJP2 menunjukkan saranan-saranan dalam laporan MAPEN hanya diguna pakai secara pilihan sahaja (Mauzy 1993 : 120). Walau bagaimanapun pemimpin Cina dari parti politik pemerintah dan usahawan Cina dikatakan berpuas hati terhadap laporan MAPEN dan DPN kerana peruntukan-peruntukan dalam dua buah dokumen itu didapati tidak begitu menghakis kepentingan komuniti Cina berbanding dengan DEB (Heng 1997 : 287-289).

Kepentingan RRJP2 memang tidak dapat disangkal kerana didalamnya terkandung DPN yang merupakan pengganti kepada DEB. Sungguhpun DPN mengekalkan matlamat, strategi, dan ciri-ciri DEB, namun penekanannya bukan lagi berlandaskan pengagihan semulakekayaan yang telah banyak dikritik oleh kaum Cina kerana merugikan mereka. Penekanan baru yang diterapkan dalam DPN menjurus kepada usaha memperkasakan keupayaan bumiputera dalam megurus, mengendali dan memiliki perniagaan dengan berkesan (Malaysia 1991b). Dan apa yang melegakan komuniti Cina ialah tiada penetapan tempoh masa bagi mencapai 30% dalam penyusunan semula modal saham untuk bumiputera. Dengan demikian dasar baru itu menjadi kurang kontroversial dan lebih mudah diterima oleh masyarakat Cina berbanding dengan DEB.

⁴ Dalam hal ini kerajaan ternyata mengambil keputusan menahan pengumuman laporan MAPEN yang disiapkan lebih awal, iaitu pada bulan Februari 1991 kepada orang awam sehingga kelulusan kedua-dua buah dokumen penting itu, lihat Mauzy (1993 : 120).

Dalam pada itu Dr. Mahathir juga menawan hati rakyat pelbagai kaum dengan melancarkan Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam pelbagai aspek menjelang tahun 2020. Semasa mengumumkan wawasan tersebut buat pertama kali melalui ucapannya yang berjudul "Malaysia Melangkah ke Hadapan" pada 28 Februari 1991, Perdana Menteri itu menggariskan 9 cabaran yang perlu diatasi sebelum dapat merealisasikan impian itu.⁵

Isi-isi kandungan dalam 9 cabaran itu seakan-akan menunjukkan Dr. Mahathir telah keluar dari pegangan nasionalistik kelayuannya lantaran membicarakan proses pembinaan negara-bangsa dari sudut multietnik. Masyarakat Cina umumnya terpukau dengan semangat Wawasan 2020 dan ungkapan-ungkapan yang berjiwa Malaysia seperti "bangsa Malaysia" (cabaran pertama) dan "pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama" (cabaran kelapan). Hal ini demikian kerana perjuangan orang Cina di Malaysia selama ini menjurus ke arah pencapaian dua matlamat di atas.

Di samping itu pentadbiran Dr. Mahathir juga menunjukkan sikap yang lebih toleran dan liberal terhadap kebudayaan Cina selepas tahun 1990. Ini terbukti kerana

⁵ 9 cabaran tersebut ialah :

1. Mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu,
2. Melahirkan satu bangsa yang bebas, kuat, dan cintakan Malaysia, percayakan diri sendiri dan dikagumi bangsa lain,
3. Membentuk satu masyarakat demokratik yang matang dan mengamalkan sistem demokratik di dalam masyarakat,
4. Membina satu masyarakat yang boleh kita teladani dalam etika dan akhlak,
5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur,
6. Mencipta satu masyarakat yang maju dan saintifik,
7. Mewujudkan masyarakat penyayang,
8. Mewujudkan satu masyarakat yang adil dalam ekonomi dengan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, dan
9. Mewujudkan satu masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi berdaya saing, dinamik, giat, dan kental.

tarian singa yang menjadi larangan dalam acara rasmi kerajaan telah dibenarkan membuat persembahan. Malah Dr. Mahathir sendiri telah disambut dengan tarian singa dalam beberapa upacara. Kecenderungan ini menunjukkan kerajaan lebih sensitif kepada budaya orang Cina dan menggalakkan dialog antara budaya (Milne & Mauzy 1999 : 96).

Dalam hal ini pemimpin-pemimpin UMNO didapati ghairah menggunakan beberapa patah perkataan bahasa Cina semasa berucap di khalayak orang Cina dan menulis kaligrafi Cina. Ini dapat dilihat melalui perilaku Anwar Ibrahim semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri yang menyaksikan tokoh itu amat popular di kalangan orang Cina setelah melafaz satu ungkapan yang begitu memikat hati komuniti Cina, “Wo men dou shi yi jia ren” (Kita satu keluarga). Selain itu, pemimpin itu turut mendalami falsafah Cina, terutamanya konfucianisme dan pengetahuan yang dikuasainya telah diaplikasi semasa membentangkan belanjawan tahunan di Parlimen dengan memetik pendapat ahli falsafah Wang An Shi dan Meng Zi. Kemuncak kepada aktiviti sedemikian ialah usaha Anwar dalam menjayakan pengajuran dialog antarabangsa tentang Islam dan konfucianisme yang berlangsung di Universiti Malaya pada bulan Mac 1995.

Polisi-polisi yang lebih liberal itu dilaksanakan dalam konteks perkembangan ekonomi negara yang mampu telah mempengaruhi pendirian politik orang Cina. Hal ini demikian kerana masyarakat Cina umumnya menganggap perubahan dalam dasar kerajaan tersebut dapat memenuhi permintaan dan kepentingan mereka, iaitu mengekalkan identiti kecinaan mereka dari segi bahasa, kebudayaan, dan agama di samping mengejar kemakmuran ekonomi. Dalam keadaan ini, parti-parti politik Cina,

terutamanya MCA didapati mengambil kesempatan ini dengan menegaskan bahawa dasar liberalisasi kerajaan yang dipraktikkan itu merupakan hasil perjuangan mereka berlandaskan politik kompromi. Parti itu turut mengambil langkah pada awal tahun 90-an bagi mempengaruhi dan menyerapi pergerakan Huatuan agar strategi perjuangan kumpulan kepentingan tersebut yang bertunjangkan desakan dan tuntutan dapat digantikan dengan amalan kompromi. Namun usaha itu telah menghadapi bantahan dan tentangan daripada para pemimpin dan aktivis Huatuan yang seterusnya menyumbang kepada perbalahan dan perpecahan dalam pergerakan Huatuan.

7.2.2 Perbalahan dan Perpecahan dalam Pergerakan Huatuan

Cubaan MCA untuk menguasai Huatuan kali ini bermula pada tahun 1990.⁶ MCA dikatakan pernah mengeluarkan arahan sulit kepada ahli-ahlinya yang menganggotai Huatuan supaya merampas pucuk pimpinan persatuan Cina (Shue 1992 : 40). Cubaan itu mendatangkan hasil apabila kumpulan Lim Geok Chan yang pro-MCA berjaya menguasai pucuk pimpinan DPCS pada 7 Mei 1990 dengan mengalahkan Lau Sik Thong, timbalan presiden sebelum pemilihan itu. Akibat penyerapan parti itu, pergerakan Huatuan mula ditimpa pergolakan dan perpecahan.

Lim Geok Chan merupakan seorang ahli korporat yang berjaya dan beliau ialah presiden CCC Selangor dan Wilayah Persekutuan serta pernah berkempen untuk calon MCA dalam pilihan raya umum 1990 (Shue 1992 : 174). Manakala

⁶ Shue (1992 : 40) berpendapat usaha penyerapan dan penguasaan parti itu terhadap Huatuan berlaku lebih awal, iaitu pada era Tan Koon Swan menjadi Presiden MCA. Namun usaha itu tidak berjaya dan strategi parti itu kemudian diubah supaya kepimpinan Huatuan dikuasai secara berasingan terlebih dahulu.

pengikut setianya dan eksekutif kerja DPCS, Liew Poon Siak pula mengakui dirinya memang ahli MCA. Dengan penguasaan itu maka DPCS, salah sebuah Huatuan yang terpenting di Malaysia dikatakan telah menjadi alat politik kepada MCA (Ibid. : 282). Pucuk pimpinan baru itu kemudiannya berusaha sungguh-sungguh bagi mengalihkan perjuangan Huatuan kepada aliran kompromi.

Huraian di atas jelas menunjukkan MCA mensassarkan penguasaannya kepada DPCS. Hal ini demikian kerana pertubuhan itu mempunyai kewibawaan sebagai peneraju dalam pergerakan Huatuan. Umpamanya DPCS merupakan persatuan penting dalam menggerak dan merealisasikan gagasan Sistem Dua Barisan pada pilihan raya umum 1990 yang telah memberi gugatan kepada kekuasaan BN. Ini merupakan punca utama kepada kemunculan kumpulan Lim Geok Chan dengan sokongan MCA untuk menguasai pertubuhan itu. Nukilan di bawah memerikan punca tersebut secara terperinci :

Ini merupakan respons sesetengah pihak terhadap keputusan pilihan raya umum 1990. Huatuan pada masa sekarang berkeadaan demikian, iaitu kemunculan pucuk pimpinan baru ... kerana ada pihak tidak ingin melihat pucuk pimpinan asal yang menyelesaikan masalah berlandaskan perspektif demokrasi dan hak asasi manusia terus menerajui Huatuan dan menjadi batu penghalang kepada mereka. Mereka tidak memerlukan orang yang demikian untuk bertanggungjawab ke atas Huatuan. Dengan keadaan baru itu maka mereka tidak akan berselisih dengan parti pemerintah.

(Yang 1996 : 211-212)

Dalam hal ini Liew Poon Siak (1992 : 240) sendiri mengakui bahawa pucuk pimpinan baru DPCS telah menjalankan usaha penyerapan dan seterusnya berjaya

melumpuhkan peranan persatuan itu sebagai kumpulan pendesak dan pendukung kuat gagasan Sistem Dua Barisan. Usaha tersebut merupakan satu tugas yang bukan mudah lantaran terdapat tentangan daripada para pemimpin dan aktivis Huatuan yang ingin melihat pergerakan Huatuan bebas daripada pengaruh parti-parti politik. Namun penguasaan DPCS itu digunakan sebagai tapak permulaan bagi melakukan proses “*shook-ching*” (pembersihan) terhadap aktivis-aktivis Huatuan yang memiliki pandangan yang berbeza dan menjadi pendukung gagasan Sistem Dua Barisan (Lee 1995 : 89).

Sasaran utama proses pembersihan itu dituju kepada CRC Selangor, sebuah jawatankuasa di bawah DPCS. CRC Selangor merupakan sebuah jawatankuasa yang berwibawa dalam masyarakat Cina memandangkan ia dianggotai satu barisan aktivis hak sivil dan cendekiawan Cina.⁷ Hubungan CRC Selangor dengan CRC adalah rapat. Selain memberi sumbangan idea kepada kelahiran gagasan Sistem Dua Barisan dalam tahun 1986, CRC Selangor turut diamanahkan oleh CRC untuk menggubal dokumen tuntutan yang berjudul *Permintaan Huatuan dalam Pilihan Raya 1990*.

Oleh sebab dokumen itu bakal memberi tekanan kepada BN dalam pilihan raya umum 1990, maka pada 10 ogos 1990 kumpulan Lim Geok Chan melalui pengikutnya dan penasihat undang-undang DPCS, Shu Tianming menuduh dan mengkritik penggubalan dokumen itu sebagai tidak mengikut prosedur dan tidak

⁷ Umpamanya pucuk pimpinan CRC Selangor sesi 1990/92 dianggotai Lau Sik Thong (pengurus), Ngeow Yin Ngee (naib pengurus), Kua Kia Soong (setiausaha), Tang Ah Chai (penolong setiausaha), dan 12 orang ahli jawatankuasa yang antaranya terdiri daripada Lee Ban Chen, Tan Yew Sing, Khong Kim Hoong, dan Lee Kim Sin.

menepati lunas undang-undang (Huazi Resource & Research Centre 1990 : 278-279). Kritikan tersebut telah mengundang respons daripada Yang Pei Keng, pengurus CRC pada waktu itu untuk membuat kenyataan akhbar bahawa CRC Selangor memang dipertanggungjawabkan bagi menggubal dokumen tersebut dan ia bakal dibincang dan diluluskan dalam mesyuarat 15 Huatuan. Walau bagaimanapun usaha bagi menggagalkan pelancaran dokumen itu telah menemui kebuntuan dan dokumen itu dapat diumumkan sebagai suara hati masyarakat massa Cina menjelang pilihan raya umum.

Selanjutnya pucuk pimpinan baru yang diterajui Lim Geok Chan memutuskan dalam satu mesyuarat DPCS yang berlangsung pada 26 Julai 1991 untuk membekukan aktiviti CRC Selangor dan melantik Liew Poon Siak dan Ng Teck Fong bagi mengkaji status jawatankuasa itu serta kerelevannya (Shue 1992 : 129). Akhirnya kedua-dua pemimpin Huatuan itu mengesyorkan supaya CRC Selangor dirombak semula. Dalam rombakan semula itu, tiga orang ahli jawatankuasa lama, iaitu Kua Kia Soong, Lee Ban Chen, dan Ngeow Yin Ngee digugurkan atas alasan mereka memiliki latar belakang parti politik yang kuat. Tindakan penyekatan itu menimbulkan banyak bantahan di kalangan orang Cina. Malah 13 orang AJK lama CRC Selangor turut menyatakan kehampaan dan bantahan mereka dengan tidak ingin menyertai semula jawatankuasa hak sivil tersebut (Ibid. : 217).

Dalam pada itu penubuhan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (GPCM)⁸ pada 13 Disember 1991 juga memperkasakan usaha kumpulan Lim Geok Chan menekan aktivis-aktivis Huatuan yang memperjuangkan hak sivil rakyat melalui pendekatan desakan dan tuntutan. Lim Geok Chan telah menang dalam perebutan jawatan presiden GPCM yang pertama dengan menewaskan Sim Mow Yu, wakil aliran pendesak dari Dongjiaozong. Perebutan pucuk pimpinan itu memperlihatkan satu pertarungan yang sengit antara aliran kompromi dan aliran pendesak bagi merebut kuasa kepimpinan pertubuhan baru itu (Ho 1998 : 111). Dengan kemenangan itu, kumpulan Lim Geok Chan didapati menggunakan pertubuhan gabungan tersebut sebagai platform bagi mempopularkan aliran kompromi dalam melindungi kepentingan komuniti Cina.

Penubuhan GPCM yang memakan masa lapan tahun dan penuh rintangan itu telah diwarwarkan oleh kumpulan pemimpin Huatuan yang pro-MCA sebagai kemenangan aliran kompromi (Lee 1993 : 35). Mereka menganggap hanya melalui pendekatan kompromi sahaja, barulah kerajaan bersedia meluluskan pertubuhan induk itu yang dinanti-nantikan sekian lama oleh masyarakat Cina. Dengan perkembangan itu maka aliran kompromi selalu dicanangkan oleh pucuk pimpinan GPCM dan DPCS sebagai jalan penyelesaian yang unggul kepada segala permasalahan yang melanda komuniti Cina di Malaysia. GPCM juga diangkat oleh kerajaan dan pucuk pimpinan MCA sebagai pertubuhan tertinggi dalam masyarakat

⁸ Pertubuhan gabungan ini pada asalnya bernama Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia yang lebih mencerminkan struktur organisasinya, di mana ia hanya dianggotai 13 buah DPC negeri. Namun pucuk pimpinannya telah menukar namanya kepada GPCM pada Januari 1997 dengan niat menjadikannya pertubuhan induk yang tunggal dalam mewakili masyarakat Cina.

Cina dengan harapan ia dapat berfungsi sebagai model kepada pergerakan Huatuan di Malaysia dan dapat menggembang semua Huatuan di bawah payungnya.⁹

Kemenangan kumpulan kompromi dalam menguasai DPCS dan GPCM membawa impak yang mendalam terhadap hala tuju pergerakan Huatuan di Malaysia. Mereka menganggap pendekatan menuntut dan mendesak yang diguna oleh Huatuan dalam memperjuangkan kepentingan orang Cina sebelum ini sudah tidak sesuai lagi dalam senario politik negara pada tahun 90-an. Dalam kedaan itu maka kedengaran suara-suara untuk mengkaji semula dokumen-dokumen tuntutan yang pernah diajukan dalam dekad 80-an. Kecenderungan itu dapat dilihat apabila Ng Teck Fong yang dipilih ke jawatan presiden GPCM pada tahun 1994 telah membuat kenyataan yang mempersoalkan kerelevan PBPCM dan berkemungkinan menilai semula serta mengubah dokumen perisytiharan tersebut (Ho 1998 : 112).

Tindakan bagi menekan dan melumpuhkan kegiatan para aktivis hak sivil turut diambil oleh GPCM. Pertubuhan gabungan itu mengeluarkan arahan membekukan aktiviti CRC pada 13 Mei 1992. Tindakan drastik itu menimbulkan kontroversi memandangkan CRC bukan badan yang bernaung di bawah GPCM sebaliknya ia bernaung di bawah 15 Huatuan. Walaupun pertubuhan 15 Huatuan telah dibubarkan selepas pembentukan GPCM, namun dalam mesyuarat pembubaran tersebut yang berlangsung pada 25 November 1991, persatuan yang menganggotai 15 Huatuan, iaitu 13 buah DPC, Dongzong, dan Jiaozong telah mengambil ketetapan

⁹ Walau bagaimanapun GPCM gagal memainkan peranannya yang diharapkan. Hal ini demikian kerana pendekatan perjuangannya yang terlalu lembut dan prokerajaan tidak mendapat sokongan masyarakat Cina massa. Kewibawaan dan kredibilitinya dalam masyarakat Cina juga di tahap rendah. Oleh itu pertubuhan tersebut gagal berfungsi sebagai kuasa pengarah kepada pergerakan Huatuan di Malaysia.


membentuk satu pertubuhan induk dengan nama *Sanda Jigou* yang berfungsi sebagai pengganti kepada 15 Huatuan¹⁰ (Shue 1992 : 305). *Sanda Jigou* dianggotai GPCM, Dongzong, dan Jiaozong. Dengan hal yang demikian maka CRC menjadi badan yang bernaung di bawah *Sanda Jigou* dan oleh itu GPCM sebenarnya tidak berhak membekukan CRC tanpa bermesyuarat dengan Dongzong dan Jiaozong terlebih dahulu.

Dalam mesyuarat pembubaran 15 Huatuan itu, satu lagi ketetapan juga diputuskan, iaitu 5 buah jawatankuasa¹¹ di bawah 15 Huatuan akan menjadi milik bersama *Sanda Jigou* dan diuruskan oleh pertubuhan yang baru itu secara bergilir-gilir (Ibid.). Bagaimanapun GPCM yang bermesyuarat pada 17 Januari 1992 memutuskan bahawa 5 jawatankuasa tersebut tidak harus menjadi milik bersama tetapi sebaliknya perlu diagihkan. Keputusan mesyuarat itu ternyata bercanggah dengan ketetapan yang dibuat oleh *Sanda Jigou* sebelum ini. Perkembangan itu telah menyumbang kepada perbalahan antara GPCM dan Dongzong serta Jiaozong. Akhirnya kemelut itu dapat diselesaikan melalui satu mesyuarat tiga pihak yang berlangsung pada 25 Januari 1992 dengan Dongjiaozong bersetuju kepada pengagihan 5 jawatankuasa tersebut seperti di bawah :

¹⁰ Bagaimanapun pucuk pimpinan GPCM kemudiannya membuat kenyataan bahawa GPCM sudah merupakan pertubuhan tertinggi bagi masyarakat Cina dan *Sanda Jigou* tidak perlu lagi. Ini membuktikan GPCM memang berniat menjadi persatuan peneraju yang tunggal dalam masyarakat Cina, lihat analisis berita *Nanyang Siang Pau* bertarikh 13 Februari 1992 yang turut dimuat dalam Shue (1992 : 57)

¹¹ Jawatankuasa-jawatankuasa itu yang ditubuhkan dalam dekad 80-an telah memainkan peranan yang cergas dalam memperjuangkan hak dan kepentingan komuniti Cina (lihat perbincangannya dalam Bab 5 dan 6). 5 jawatankuasa itu ialah Malaysian Chinese Resource and Research Centre, CRC, Jawatankuasa Perundingan Kebudayaan Huatuan Seluruh Negara, Jawatankuasa Pengurusan Dana Kebudayaan Huatuan Seluruh Negara, dan Jawatankuasa Bertindak Prihatin Akta Pendidikan 15 Huatuan.

Rajah 7.1 Pengagihan Jawatankuasa-Jawatankuasa di 15 Huatuan



Catatan :

1. CRC = Civil Rights Committee
2. JPKHSN = Jawatankuasa Perundingan Kebudayaayaan Huatuan Seluruh Negara
3. JPDKHSN = Jawatankuasa Perundingan Dana Kebudayaan Huatuan Seluruh Negara
4. MCRRC = Malaysian Chinese Resource and Research Centre
5. JBPAP 15 Huatuan = Jawatankuasa Bertindak Prihatin Akta Pendidikan 15 Huatuan

Setelah kumpulan kompromi berjaya menerajui DPCS dan GPCM, para pemimpinnya terus menyusun langkah bagi mewujudkan kesinambungan dalam penguasaan mereka. Apabila Lim Geok Chan terpaksa melepaskan jawatan presiden DPCS pada tahun 1994 kerana syarat perlembagaan pertubuhan itu¹², tokoh itu mencalonkan Ng Teck fong, seorang pendukung kuat aliran kompromi untuk mengisi kekosongannya. Ng Teck Fong telah dicabar oleh Ngan Ching Wen, seorang pemimpin Huatuan yang lebih bebas daripada pengaruh politik kepartian. Dalam

¹² Syarat itu mengehadkan seseorang pemimpin hanya boleh menjawat jawatan presiden untuk tempoh dua penggal sahaja, iaitu selama empat tahun.

pemilihan tersebut, Ng Teck Fong telah menang tipis dengan kelebihan satu undi sahaja. Kemenangan itu membolehkan Ng Teck Fong atas kapasitinya sebagai presiden DPCS dipilih bagi menjawat presiden GPCM menggantikan Lim Geok Chan pada tahun 1994.

Dalam pemilihan jawatan DPCS tahun 1996, Ng Teck Fong menang jawatan presiden tanpa bertanding tetapi calon timbalan presidennya, Liew Poon Siak (juga penyokong kuat aliran kompromi) telah dicabar. Liew Poon Siak dapat mengalahkan pencabarnya. Seterusnya Ng Teck Fong mengekalkan jawatannya sebagai presiden GPCM pada pemilihan tahun 1997 dan melantik Liew Poon Siak sebagai setiausaha agung GPCM. Dalam tahun 1998, perebutan dan perbalahan dalam pergerakan Huatuan mencapai kemuncaknya. Pada tahun itu Ng Teck Fong terpaksa melepaskan jawatan presidennya di DPCS seperti Lim Geok Chan. Ini memberi peluang kepada Ngan Ching Wen mencabar Liew Poon Siak, calon pilihan aliran kompromi.

Kekecohan berlaku apabila Ng Teck Fong meletak jawatan presiden GPCM secara tiba-tiba tanpa menunggu pemilihan di DPCS itu selesai. Menurutnya dia berbuat demikian kerana menjawat jawatan tersebut atas tiket presiden DPCS. Dia tidak mengikut amalan yang dibuat oleh Lim Geok Chan, iaitu melepaskan jawatan presiden GPCM selepas pemilihan di DPCS yang memberi laluan kepadanya untuk muncul sebagai presiden GPCM pada tahun 1994. Tindakan itu menyebabkan jawatan itu diisi serta-merta oleh Chong Chin Shoong, presiden DPC Perak. Oleh itu dia dituduh sengaja menyekat Ngan Ching Wen daripada jawatan tertinggi itu. Ini menyebabkan kemarahan pemimpin dan ahli di DPCS dan seterusnya membawa

kemenangan besar kepada Ngan Ching Wen dalam pemilihan itu. Dengan kemenangan tersebut, DPCS dapat menyisihkan imejnya yang prokerajaan sejak tahun 1990 dan kembali berperanan sebagai NGO yang bebas daripada pengaruh kepartian. Seterusnya Ngan Ching Wen telah mencabar Chong Chin Shoong untuk jawatan tertinggi GPCM pada tahun 1999. Namun percubaan presiden DPCS itu tidak berjaya dan pucuk pimpinan GPCM terus dikuasai aliran kompromi hingga hari ini.

Di samping perebutan pucuk kepimpinan Huatuan, aliran kompromi dan aliran pendesak juga terlibat dalam persaingan untuk muncul sebagai pertubuhan peneraju dalam masyarakat Cina. Dalam tahun 1996, GPCM menghasilkan satu dokumen yang dipanggil *Prinsip Panduan Untuk Kerja Kebudayaan Huatuan Malaysia* setelah dua tahun berusaha ke atasnya. Apabila GPCM mengundang Huatuan utama dari seluruh negara untuk menghadiri satu perbincangan terhadap dokumen itu, Dongjiaozong enggan menghadirinya. Dongjiaozong menganggap pendapatnya dipandang enteng semasa penggubalan dokumen tersebut dan semangat 15 Huatuan yang menekankan sikap saling menghormati dan bermusyawarah tidak diterapkan dalam proses penggubalan itu. Perbalahan itu bukan sahaja memperlihatkan perbezaan dalam aliran perjuangan kedua-dua buah pertubuhan tersebut malah juga menunjukkan perebutan untuk menerajui masyarakat Cina (Ho 1999 : 100). Pertembungan aliran kompromi dan aliran pendesak muncul semula dalam isu Suqiu menjelang pilihan raya umum 1999.¹³

¹³ Perbalahan ini dikupas dalam bab ini di bawah tajuk kecil 7.3.2.

Huraian di atas menunjukkan pergerakan Huatuan tahun 90-an yang diserapi MCA telah membawa kepada pergolakan dan perbalahan dalam Huatuan. Malah usaha penyerapan itu berjaya mengubah hala perjuangan Huatuan dan sekali gus mengubah imej Huatuan yang sebelum ini lebih berperanan sebagai kumpulan pendesak. Dalam keadaan itu suara-suara perjuangan Huatuan yang beraliran pendesak semakin hilang pengaruhnya dalam masyarakat Cina. Kejayaan kumpulan pemimpin Huatuan yang prokerajaan dalam menguasai beberapa persatuan peneraju berkait rapat dengan dasar liberalisasi kerajaan dan perkembangan ekonomi negara yang mampan. Keadaan ekonomi yang kukuh membolehkan pentadbiran Dr. Mahathir menerapkan pendekatan pembangunan ekonomi dalam menangani permasalahan persaingan etnik dan seterusnya berjaya “depoliticise” pergerakan Huatuan (Zhang 1994 : 98). Keadaan ini sebenarnya merupakan natijah daripada penggunaan *co-optation*¹⁴ oleh pemerintah agar suara-suara penentangan kumpulan kepentingan dapat dileyapkan. Perkembangan itu sudah tentu mempengaruhi peranan Huatuan dalam pilihan raya umum 1995.

7.2.3 Huatuan dan Pilihan Raya Umum 1995

Senario politik Malaysia menjelang pilihan raya umum 1995 sungguh berbeza dengan keadaan pilihan raya umum 1990. Gugatan terhadap kekuasaan BN dalam tahun 1990 yang ditampilkkan oleh Gagasan Rakyat dan APU tidak wujud lagi. Hal ini demikian kerana Semangat 46 yang berfungsi sebagai pencabar utama kepada UMNO telah hilang taringnya menjelang tahun 1995. Dalam keadaan ini parti itu tidak mampu lagi memainkan peranan sebagai penggembrelleng kuasa pembangkang.

¹⁴ Untuk perbincangan tentang hubungan kumpulan kepentingan/NGO dengan pemerintah di Malaysia, lihat Saliha (2000 & 2002).

Kemelut yang dihadapi Semangat 46 berpunca daripada tindakan ahli-ahli parti itu menyisihkannya. Fenomena ini merupakan natijah daripada amalan penaungan politik yang membudaya dalam UMNO. Keadaan demikian mendorong sejumlah pemimpin kanan parti itu keluar parti demi melangsungkan survival perniagaan atau kerjaya politik mereka. Antara yang berbuat demikian ialah Harun Idris, Marina Yusof, Ibrahim Ali, Radzi Sheikh Ahmad, Zainal Abidin Zain, dan Mazlan Harun. Untuk mengekang masalah kehilangan pengaruh dan populariti Semangat 46 di kalangan orang Melayu, Tengku Razaleigh terpaksa mengambil langkah mengubah haluan perjuangan parti dengan menjadikannya lebih bernasionalistik Melayu (Gomez 1996b : 5). Malah nama parti turut ditukar kepada Parti Melayu Semangat 46. Namun tindakan tersebut menyebabkan sokongan bukan Melayu terhadap parti itu semakin terhakis.

Tambahan pula pakatan pembangkang, terutamanya Gagasan Rakyat semakin goyah dan akhirnya lumpuh sama sekali dalam tahun 1995 apabila DAP dan AMIPF meninggalkannya. Dilema itu berpunca daripada keputusan PAS melaksanakan Hukum Hudud di Kelantan. DAP bertindak demikian kerana parti itu tidak dapat mengelak dari diasosiasikan dengan PAS yang mencanangkan pelaksanaan Hukum Hudud dan Negara Islam sekiranya terus berada dalam Gagasan Rakyat (Kua 1996 : 30). Manakala kerjasama antara Semangat 46 dan PAS adalah minimal dan lebih tertumpu kepada pembahagian kawasan pilihan raya. Dalam

keadaan itu maka DAP, Semangat 46, PAS, dan PRM telah mengambil keputusan untuk menggunakan simbol dan manifesto sendiri dalam pilihan raya.¹⁵

Perkembangan itu menyaksikan rumusan yang dibuat oleh Hari Singh (1991 : 727), iaitu cabaran utama kepada pengekalan gagasan Sistem Dua Barisan bergantung kepada kekuatan dan survival Semangat 46 adalah tepat. Akibat kelemahan parti itu matlamat perjuangan barisan pembangkang dalam tahun 1990 untuk mewujudkan kerajaan alternatif melalui Sistem Dua Barisan tidak bergema lagi dalam pilihan raya umum 1995.

Dalam pada itu perkembangan ekonomi negara yang mampan, iaitu mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 8% selama tujuh tahun berturut-turut sehingga tahun 1995 banyak membantu BN dalam pilihan raya. Para pemimpin BN memanfaatkan kesempatan itu dengan menyeru kepada pengundi supaya mengundi BN sekiranya mereka ingin terus menikmati kemakmuran ekonomi dan untuk merealisasikan Wawasan 2020 (Chin 1996 : 399). Sementara itu pengundi-pengundi bukan Melayu turut diingatkan bahawa polisi-polisi liberalisasi kerajaan dalam bidang bahasa, pendidikan, dan kebudayaan akan berakhir sekiranya mereka memilih bagi memenangkan parti pembangkang (Ibid.). Dengan hal yang demikian, BN sebenarnya berada dalam kedudukan yang selesa untuk menghadapi pilihan raya umum.

¹⁵ Manifesto-manifesto itu ialah *Manifesto Pilihan Raya 1995 PAS : Membagun Bersama Islam*, *Manifesto Parti Melayu Semangat 46 : Keadilan untuk Semua*, dan *Manifesto Pilihan Raya 1995 DAP : Kuatkan DAP Demi Kebebasan Sejati dan Cegah Pemerintahan Satu Parti di Malaysia*.

Kemenangan BN dalam pilihan raya umum 1995 memang dijangka tetapi kemenangan besar yang luar biasa agak mengejutkan. Gomez (1996b : 31) menganggap peralihan sokongan orang Cina kepada BN merupakan faktor signifikan utama yang menyumbang kepada kemenangan itu. BN berjaya menguasai 162 kerusi Parlimen, atau 84.3% daripada 192 kerusi. Manakala parti pembangkang hanya memperoleh 30 kerusi Parlimen berbanding dengan 53 pada tahun 1990 dan ini mencatat satu kemerosotan yang ketara, iaitu sebanyak 43.4%. Di peringkat DUN pula, prestasi cemerlang juga diulangi oleh BN dengan memenangi 338 kerusi (85.8%) daripada 394 kerusi. Kerusi yang diperoleh parti pembangkang pula merosot sebanyak 42.85%, di mana parti pembangkang hanya mampu mempertahankan 56 kerusi daripada 98 kerusi. Jadual berikut merincikan prestasi parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya tersebut :

Jadual 7.1 Prestasi Parti-Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 1995 (Parlimen dan DUN)

Parti	Parlimen	DUN	Undi Sah (%)
BN	162 (127)	338 (253)	65.15 (53.38)
UMNO	89 (71)	231 (198)	
MCA	30 (18)	70 (33)	
MIC	7 (6)	15 (10)	
Gerakan	7 (5)	22 (12)	
BN Sarawak	26 (21)	*	
BN Sabah	12 (6)	*	
Pembangkang			34.85 (46.62)
DAP	9 (20)	11 (45)	
PBS	8 (14)	*	
PAS	7 (7)	33 (33)	
Semangat 46	6 (8)	12 (19)	
PRM	0 (0)	0 (0)	
AKIM	0 (-)	0 (0)	
Bebas / Lain	0 (4)	0 (1)	
Jumlah	192 (180)	394 (351)	100

Sumber : SPR (1997 : 25-27 ; 1992 : 16, 111)

Khong (1991 : 16, 19)

Catatan :

1. () = menunjukkan prestasi parti politik dalam pilihan raya umum 1990
2. * = pilihan raya DUN untuk Sabah dan Sarawak tidak diadakan.

Selain prestasi UMNO yang memenangi 89 kerusi Parlimen, prestasi parti-parti komponen Cina dalam BN turut menjadi penyumbang kepada kemenangan besar BN. MCA berjaya memenangi 30 kerusi daripada 35 kerusi yang ditandingi berbanding dengan 18 daripada 32 kerusi pada tahun 1990. Parti itu juga menggondol 70 kerusi daripada 77 kerusi DUN. Gerakan pula mencatat kemenangan di 7 kerusi daripada 10 kerusi Parlimen dan 10 kerusi daripada 11 kerusi DUN yang ditandingi.

Manakala DAP yang turut bergantung kepada sokongan orang Cina telah mengalami kekalahan teruk. Parti itu hanya dapat mempertahankan 9 kerusi Parlimen daripada 20 kerusi yang dimenanginya dalam pilihan raya umum tahun 1990, iaitu prestasi paling buruk dalam sejarah parti. Di peringkat DUN, parti itu sekadar dapat mengekalkan 11 kerusi berbanding dengan 45 pada tahun 1990. Prestasi buruk parti itu di Pulau Pinang menggambarkan kehilangan sokongan orang Cina terhadapnya dengan tepat. DAP hampir-hampir mencatat kemenangan sifar dengan hanya mempertahankan satu kerusi DUN dan kemenangannya di Batu Lancang itu pula hanya melalui kelebihan undi tipis yang berjumlah 62. Oleh itu Projek Tangjung III yang dilancar oleh Lim Kit Siang bagi menawan Pulau Pinang gagal sepenuhnya. Kemenangan cemerlang parti itu dalam tahun 1990 dengan memperoleh 14 kerusi DUN di negeri itu selah-salah telah lupsus dibawa angin perubahan yang melanda orang Cina di seluruh Malaysia.

Dalam keadaan itu maka bekas aktivis-aktivis Huatuan yang menyertai DAP juga menjadi mangsa angin perubahan tersebut. Mereka yang bertanding dalam pilihan raya umum kali itu ialah Kua Kia Soong (Parlimen – Petaling Jaya Utara), Lee Ban Chen (Parlimen – Serdang), Chong Joon Kin (Parlimen – Kampar), dan Chan Jock Lan (DUN – Skudai). Penamaan calon Kua Kia Soong telah ditolak atas kesilapan teknikal manakala ketiga-tiga orang aktivis yang lain telah kecundang di kawasan masing-masing.

Prestasi buruk yang dialami DAP itu berpunca daripada peralihan sokongan orang Cina kepada parti pemerintah. Selain faktor perkembangan ekonomi yang mampan dan dasar liberalisasi kerajaan, peranan yang dimainkan oleh Huatuan

menjelang pilihan raya umum turut menjadi pemangkin kepada perubahan tersebut. Para pemimpin Huatuan tidak lagi mengetengahkan gagasan Sistem Dua Barisan dalam pilihan raya umum 1995. Malah Dongjiaozong yang kerap kali berperanan sebagai kumpulan pendesak telah mengambil pendirian berkecuali dalam pilihan raya kali itu (*Sin Chew Jit Poh* 7.4.1995).

Di samping itu ACCCIM yang dikuasai ahli-ahli korporat Cina yang prokerajaan dan 17 buah persatuan perniagaan dan perindustrian naungannya telah mengeluarkan kenyataan menyokong pentadbiran BN dan menyeru pengundi pengundi Cina berbuat demikian pada 22 April 1995, iaitu 2 hari sebelum pembuangan undi (Gomez 1996b : 36). Tindakan tersebut kemudiannya diikuti oleh GPCM dan sekumpulan budayawan dan penulis keturunan Cina, terutamanya mereka yang menganggotai Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia. Langkah drastik itu telah memecahkan pegangan tradisi pergerakan Huatuan yang berlandaskan “above political party but not political position” .

Pendirian yang diambil oleh persatuan-persatuan peneraju di atas ternyata telah mengubah pola pengundian orang Cina yang lebih memihak kepada DAP dalam pilihan raya umum 1986 dan 1990. Kecenderungan itu dapat dilihat dalam pengakuan yang dibuat oleh Abdul Razak Ahmad, timbalan presiden PRM yang berbunyi “faktor ini disebabkan oleh banyak persatuan Cina serta dewan perniagaan memberi sokongan terbuka kepada BN dan keputusan mereka dipatuhi oleh ahli (*Berita Harian* 28.4.1995).

7.3 Isu Suqiu dan Pilihan Raya Umum 1999

Kemenangan cemerlang BN dalam pilihan raya umum 1995 menunjukkan betapa perkembangan ekonomi negara yang mampan dapat memainkan peranannya dalam pemilihan kerajaan. Kerajaan pimpinan Dr. Mahathir telah memanfaatkan keadaan demikian dengan melaksanakan polisi-polisi pembangunan yang menyuguhkan kemakmuran kepada rakyat. Kecenderungan ini berjaya menggembungkan sokongan rakyat di bawah payung BN. Hal tersebut juga meletakkan pemimpin tertinggi itu di mercu kekuasaan dan tahun 1995-1996 merupakan “masa bulan madu” baginya.

Bagaimanapun senario di Malaysia dan rantau Asia berubah dengan drastik menjelang pertengahan tahun 1997. Kejatuhan mendadak nilai Bath pada 2 Julai 1997 telah memulakan satu krisis yang menggegarkan rantau ini. Krisis yang diberi nama krisis ekonomi telah menggoyahkan asas-asas ekonomi negara Asia yang sudah terserap ke dalam sistem ekonomi global. Kejatuhan menjunam nilai mata wang begitu mencengkam ekonomi negara Asia dan mencetuskan pergolakan-pergolakan dalam negara. Malah ada yang meruncing kepada kegawatan politik yang menggugat pentadbiran kerajaan yang sedia ada. Indonesia, Negara Thai, Korea Selatan tidak dapat elak daripada petaka ini. Begitu juga Malaysia.

7.3.1 Pemecatan Anwar Ibrahim dan Kegawatan Politik

Krisis kejatuhan nilai mata wang yang berlaku di negara Thai telah merebak ke Malaysia dengan cepat. Kesan krisis ini terhadap ekonomi Malaysia begitu ketara sekali. Hal ini demikian kerana pada awal tahun 1998 nilai ringgit telah mengalami kesusutan dari RM2.47 pada Julai 1997 kepada RM4.88 berbanding dengan dollar

Amerika Syarikat. Manakala Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur pula menjunam dari 1300 mata kepada 500 mata dalam tempoh yang sama (Jomo 1998 : 182). Keadaan ekonomi yang sangat gawat itu membawa keperitan kepada para usahawan.

Dalam hal ini syarikat-syarikat konglomerat milik usahawan Melayu yang berkembang hasil daripada penaungan politik UMNO menerima natijah yang paling buruk. Ini adalah kerana syarikat-syarikat seperti Renong, Malaysia Airlines System (MAS), Konsortium Perkapalan, dan Perwaja Steel membuat pinjaman yang besar dari luar negara menghadapi kesukaran dalam pembayaran balik hutang akibat krisis tersebut. Oleh sebab elit politik UMNO berkait rapat dengan syarikat-syarikat ini dan memiliki kepentingan di dalamnya, maka persaingan dan perebutan untuk survival telah berlaku dalam kegantungan ekonomi. Menurut Syed Husin Ali, kecenderungan tersebutlah yang menyumbang kepada pertarungan Mahathir-Anwar :

Lebih penting lagi ialah perebutan kuasa di kalangan kepimpinan UMNO. Segelintir golongan yang telah menjadi kaya-raya dengan bantuan Mahathir mahu memastikan beliau terus berkuasa supaya dapat melindungi kepentingan ekonomi mereka yang sangat besar itu. Mereka juga mahu memastikan bahawa pengganti Mahathir mestilah seorang yang boleh terus diperalat untuk melindungi kepentingan mereka. Nyata sekali Anwar bukannya orang yang sesuai untuk melindungi kepentingan mereka.

(Rustam 2000 : 116)

Hubungan antara Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim mula menampakkan ketegangan sejak tahun 1993 apabila Anwar memenangi jawatan Timbalan Presiden

UMNO dan dilantik ke jawatan Timbalan Perdana Menteri. Ini adalah kerana sejak itu ura-ura Anwar ingin mencabar Dr. Mahathir selalu kedengaran. Funston (1999 : 169) berpendapat asal-usul pertarungan dua orang pemimpin itu sebenarnya bermula pada pertengahan tahun 1997. Dalam bulan Julai dan Ogos 1997 ketika Dr. Mahathir berada di luar negara, Anwar diberi kepercayaan untuk memangku jawatan Perdana Menteri. Dalam tempoh itu Anwar kelihatan mengambil tindakan tegas bagi menangani masalah rasuah. Langkah demikian mencemaskan penentang-penentangnya dalam UMNO dan ini mendorong mereka mengatur langkah memburukkan reputasinya. Oleh itu menjelang perhimpunan UMNO dalam bulan September, surat-surat layang yang menuduh Anwar melakukan skandal seks, dan mempunyai anak luar nikah telah tersebar dengan luas (Ibid.).

Selain menangani masalah rasuah, Anwar juga mengambil pendirian tidak menyelamatkan syarikat-syarikat konglomerat yang bermasalah seperti Renong yang dikuasai Halim Saad, anak buah Daim Zainuddin. Malah Anwar turut mencadangkan agar penyiasatan dibuat ke atas Renong. Di samping itu dalam tempoh menjalankan tugas Perdana Menteri, Anwar membuat keputusan menghentikan beberapa projek mega termasuklah pembinaan empangan Bakun, di mana syarikat yang rapat dengan Daim dikatakan berjaya mendapat tender projek itu. Dengan perkembangan ini maka Anwar dan Daim sebenarnya berada di landasan pertembungan. Milne & Mauzy (1999 : 150) menganggap perselisihan Anwar-Daim merupakan sebahagian daripada pertarungan Mahathir- Anwar.

Pada awal September 1997 perbezaan pendapat antara Dr. Mahathir dan Anwar tentang cara menangani krasis ekonomi menjadi semakin ketara. Anwar

menerapkan pemulihan dengan menngurangkan perbelanjaan dalam projek kerajaan, mengambil langkah mengurangkan defisit serta melonggarkan sekatan ke atas pelabur untuk menjual saham (Ibid. : 75-76). Langkah drastik menaikkan kadar faedah seperti di negara-negara yang menggunakan pakej pemulihan IMF turut diperkenal. Dengan langkah drastik tersebut banyak syarikat Melayu menghadapi ancaman kemuflisan dan ini menimbulkan kecaman-kecaman daripada elit ekonomi Melayu. Namun langkah-langkah Anwar itu tetap tidak membawa pemulihan kepada ekonomi negara.

Dalam pada itu mulai pertengahan tahun 1997 hingga pertengahan tahun 1998, akhbar-akhbar tempatan yang dikuasai orang Anwar menyiar banyak artikel yang mempersoalkan polisi-polisi politik dan ekonomi negara, malah ada yang mengkritik Dr. Mahathir secara langsung (Funston 1999 : 169). Dengan perkembangan itu Anwar dilihat semakin mencabar Dr. Mahathir. Dr. Mahathir bertindak balas dengan menuahkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan melantik Daim Zainuddin sebagai pengarah eksekutifnya. Pelantikan ini dilihat bertujuan meminggirkan peranan Anwar dalam menangani krisis ekonomi dengan memusatkan kuasa ekonomi di tangan Daim (Milne & Mauzy 1999 : 177).

Krisis antara Dr. Mahathir dan Anwar semakin meruncing menjelang perhimpunan agung UMNO tahun 1998 yang dijadualkan berlangsung pada 19 Jun. Penyokong kuat Anwar, Zahid Hamidi yang juga merupakan Ketua Pemuda UMNO semasa merasmikan Kongres Pemantapan Ekonomi Negara anjuaran badan pergerakan itu telah lantang mengkritik kewujudan gejala nepotisme ekonomi yang mementingkan kroni dan kelompok-kelompok tertentu (*Utusan Malaysia* 8.6.1998).

Selanjutnya pada 18 Jun pemimpin itu terus mengecam unsur-unsur nepotisme, kronisme, dan rasuah yang didakwanya berleluasa dalam pemberian projek dan kontrak kerajaan semasa menyampaikan ucapannya bertajuk "Memperkasa Daya Tahan, Menjana Reformasi" di perhimpunan Pemuda UMNO.

Walau bagaimanapun Dr. Mahathir kelihatan bersedia menghadapi tuduhan-tuduhan itu dan sudah nekad untuk melakukan sesuatu. Malah Dr. Mahathir dikatakan telah membuat keputusan sebelum perhimpunan agung itu bagi menggugurkan Anwar daripada kerajaan (Case 1999 : 4). Sebuah buku picisan yang berjudul *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri* telah dimasukkan ke dalam beg persidangan 1900 orang perwakilan yang menghadiri perhimpunan agung tersebut. Penyebaran buku tersebut tidak mungkin berlaku di luar pengetahuan Presiden UMNO (Ibid.: 4-5).

Dalam perhimpunan agung tersebut, Dr. Mahathir telah menangkis tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh kumpulan Anwar dengan mendedahkan senarai nama individu dan syarikat yang mendapat projek penswastaan, kontrak kerajaan, dan peruntukan saham khas bumiputera. Antara mereka yang tersenarai termasuklah tokoh-tokoh dari kumpulan Anwar dan ahli keluarga mereka. Sesungguhnya Dr. Mahathir berjaya menangani isu kronisme dengan mengatakan bahawa semua orang Melayu merupakan kroninya dan dia berbuat demikian semata-mata bagi memenuhi tuntutan hak istimewa orang Melayu (Funston 1999 : 170).

Dr. Mahathir ternyata memenangi pertarungan politik yang mendebarluar itu. Dengan kemenangan itu maka satu siri tindakan yang dirancang dengan rapi telah

dikenakan kepada Anwar dan para penyokongnya.¹⁶ Antara yang penting ialah pelantikan semula Daim Zainuddin ke kabinet dengan menjawat portfolio Menteri Tugas-tugas Khas pada 24 Jun 1998.¹⁷ Dalam bulan Julai ketua pengarang akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* serta pengarah TV 3 pula telah meletak jawatan. Tindakan-tindakan yang lebih mendadak menyusul dalam bulan September. Pada 1 September 1998 Dr. Mahathir mengumumkan langkah kawalan ke atas nilai ringgit dengan menetapkan nilai tukaran ringgit pada RM 3.80 untuk satu dolar Amerika. Sehari selepas pengumuman itu Perdana Menteri membuat kejutan yang lebih besar dengan melucutkan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta semua kedudukannya yang berkaitan dengan kedua-dua jawatan tersebut. Pada hari berikutnya, mesyuarat tergempar majlis tertinggi UMNO di bawah tekanan Dr. Mahathir membuat keputusan menyingkirkan Anwar daripada UMNO.

Pemecatan Anwar menimbulkan kegemparan dalam masyarakat Melayu. Dr. Mahathir menegaskan bahawa pemecatan itu dibuat atas faktor moral kerana Anwar telah melakukan salah laku seks, iaitu meliwat dan beliau mempunyai bukti yang kukuh tentang salah laku tersebut. Namun masyarakat Melayu tidak mempercayai alasan itu. Umpamanya di kalangan ahli UMNO sendiri dilaporkan terdapat 70% daripada ahlinya tidak mempercayai salah laku seks Anwar (*Ibid.*: 175). Manakala Cawangan Khas Polis melaporkan 80% daripada kakitangan kerajaan yang kebanyakannya merupakan orang Melayu tidak menyokong tindakan Dr. Mahathir

¹⁶ Untuk perbincangan lanjut perkara ini, lihat Funston (1999 : 169-171).

¹⁷ Beliau kemudiannya dilantik menjadi Menteri Kewangan untuk kali kedua dalam kerjaya politiknya. Walau bagaimanapun beliau telah meletakkan jawatan itu pada 1 Jun 2001.

(Weiss 1999 : 432). Kecenderungan demikian menunjukkan orang Melayu berpendapat bahawa Anwar telah dizalimi dan ini menimbulkan kemarahan dan kebencian terhadap pemimpin itu.

Sementara itu Anwar menganggap dirinya merupakan mangsa konspirasi politik peringkat tinggi dan oleh itu dia melancarkan gerakan reformasi untuk menuntut keadilan sejurus selepas dipecat.¹⁸ Dalam bahang politik yang semakin memuncak, Anwar sempat melancarkan satu siri ceramah dan kempen di beberapa buah negeri. Setiap ceramah politiknya mendapat sambutan hangat yang memperlihatkan beribu-ribu rakyat tampil memberi sokongan kepadanya. Namun perjuangannya yang semakin memperoleh momentum telah disekat pada 20 September 1998. Selepas menghadiri satu perhimpunan yang terbesar pernah diadakan sejak tahun 1969 dengan kehadiran yang mencecah lingkungan 35,000 – 100,000 orang di Masjid Negara dan Dataran Merdeka, pemimpin itu telah ditahan di bawah ISA (Funston 1999 : 172). 27 orang penyokong setianya, termasuk Zahid Hamidi, turut ditahan di bawah akta yang sama.

Penahanan Anwar mencetuskan kemarahan penyokong-penyokonnya dan menyebabkan mereka melancarkan demonstrasi jalanan di ibu kota. Ada demonstrasi-demonstrasi yang berubah menjadi ganas dan pertempuran antara para penyokong Anwar dengan anggota polis dilaporkan berlaku di ibu kota. Pihak polis mula melakukan tangkapan terhadap penyokong-penyokong Anwar yang

¹⁸ Anwar mula melancarkan gerakan itu di kampung kelahiranya, Cherok To' kun pada pertengahan September 1998. Gerakan itu sebenarnya mendapat inspirasi daripada gerakan penentangan terbuka rakyat Indonesia sehingga menyebabkan Presiden Suharto meletakkan jawatan dalam bulan Mei 1998. Untuk perbincangan lanjut tentang gerakan itu, lihat Farish (1999), Hilley (2001), dan Weiss (1999).

berdemonstrasi di jalanan. Keadaan ini menunjukkan Malaysia sedang menjerumus ke kancang pergolakan dan kegawatan politik telah terbentuk.

Dalam pada itu kes pemecatan dan penahanan Anwar yang mendapat simpati banyak pihak telah mendorong berbagai-bagai badan bukan kerajaan (NGO) bergabung tenaga untuk memperkasakan gerakan reformasi.¹⁹ Buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia terdapat begitu banyak NGO daripada pelbagai lapisan masyarakat yang menjangkaui sempadan etnik mampu bekerjasama dan bersatu dalam pengembangan tenaga untuk menuntut keadilan, ketelusan, akauntabiliti, dan pertanggungjawaban kerajaan dalam pentadbiran negara. Shamsul (2001) dan Abdul Rahman (2000a) menganggap peningkatan mendadak dalam kesedaran politik massa dan pengerahan usaha menentang parti pemerintah itu sebagai “politik baru” .²⁰ Maka dalam kehangatan gerakan reformasi dua buah barisan yang dibentuk oleh NGO dan parti-parti pembangkang, iaitu Gagasan Demokrasi Rakyat (Gagasan) yang diterajui Tian Chua dan Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) yang diketuai parti PAS telah muncul dalam bulan September 1998. Tambahan pula, isteri Anwar Ibrahim turut menujuhkan sebuah NGO yang bernama Pergerakan Keadilan Sosial (ADIL) tiga bulan kemudian.

Kes pemecatan Anwar telah membawa impak yang begitu mendalam terhadap politik Melayu di Malaysia. Dengan penubuhan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) pada 4 April 1999, politik Melayu telah berpecah kepada tiga kuasa

¹⁹ Untuk perbincangan tentang penglibatan NGO-NGO ini dalam gerakan reformasi dan sumbangannya dalam pembentukan masyarakat sivil di Malaysia, lihat Weiss (2001).

²⁰ Loh Kok Wah (2002a) memberi satu penelitian dan kupasan yang mendalam dan menarik tentang kewujudan politik baru ini.

yang signifikan. Penyisihan ramai orang Melayu terhadap UMNO menyebabkan parti itu berada dalam satu kedudukan yang paling lemah dalam sejarah penubuhannya. Sokongan orang Melayu yang selama ini berpaut di bawah UMNO kini beralih kepada PAS dan Keadilan. Dr. Mahathir yang menjadi sanjungan orang Melayu sebelum ini mula dilihat sebagai beban kepada UMNO (Hussain 1999 : 16). Peranan UMNO sebagai pelindung dan pembela hak dan kepentingan orang Melayu telah terhakis lantaran :

The ordinary Malay now began to compare his lot with the palatial residences and executive jets owned by the UMNO *putras*. The perception that emerged was that no longer were the Malays being “robbed” by the Chinese, but by the UMNO elites. The majority of Malays now viewed “corporatization”, “privatization”, and “industrialization” as state legitimization of corruption, cronyism and nepotism. This aspect became more salient following the revelation of business deals by Anwar Ibrahim, who also emerged as the rallying point as well as the ideological bridge among the opposition.

(Hari Singh 2000 : 35)

Manakala penyokong-penyokong gerakan reformasi pula menuntut dengan lantang pengunduran pemimpin tertinggi itu. Perkembangan seterusnya menyaksikan pembentukan satu pakatan pembangkang yang dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA) antara PAS, DAP, PRM, dan Keadilan. Perkembangan ini merupakan natijah daripada pemecatan Anwar yang berfungsi sebagai pemangkin ke arah kerjasama elektoral antara parti pembangkang yang mampu menggugat pengaruh dan kedudukan BN (Hussain 1999 : 17).

7.3.2 Tuntutan Suqiu

Dugaan yang dihadapi pentadbiran Dr. Mahathir menjadi lebih mencabar dalam tahun 1999. Selain kehilangan sokongan orang Melayu dan pemerkasaan kuasa-kuasa politik pembangkang, kerajaan BN turut mendepani cabaran getir untuk mendapatkan mandat baru dalam pilihan raya umum. Hal ini demikian kerana tempoh pentadbiran kerajaan BN bakal tamat pada tahun 2000. Dalam kepayahan mengembalikan sokongan orang Melayu terhadap UMNO/BN, Dr. Mahathir terpaksa menunggu ketika yang sesuai dan menguntungkan BN bagi mengumumkan pilihan raya umum ke-10. Namun kesuntukan masa semakin menekannya.

Dalam keadaan itu maka senario politik Malaysia dalam tahun 1999 memperlihatkan mobilisasi politik ke arah menghadapi pilihan raya umum. Walaupun masyarakat Cina kelihatan pasif dalam kes pemecatan Anwar dan gerakan reformasi²¹, namun para aktivis Huatuan turut mengemukakan sebuah dokumen tuntutan yang bernama Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) pada 16 Ogos 1999.²² Dalam hal ini pemimpin-pemimpin Huatuan mengulangi tindakan mereka dalam pilihan raya umum 1990 yang menyaksikan

²¹ Selain Tian Chua yang menyertai gerakan reformasi dengan cergas, pembabitan orang Cina dalam gerakan itu adalah terhad. Kedinginan tersebut mendorong sekumpulan ahli akademik, cendekiawan, dan aktivis keturunan Cina mengeluarkan kenyataan umum dalam bulan Oktober 1998 yang menyeru orang Cina supaya menyertai gerakan reformasi. Namun respons orang Cina tidak banyak berubah. Keadaan ini demikian kerana ramai orang Cina menganggap kes Anwar merupakan satu lagi pergelutan kuasa dalam UMNO yang tidak harus dicampuri mereka. Pertimbangan politik mereka ialah pengekalan kestabilan dan kemakmuran ekonomi negara. Ada penganalisis politik menganggap kecenderungan ini merupakan kesan daripada pengaruh “post-immigrant psychology”, lihat umpamanya Abdul Rahman (2000a : 145).

²² Menurut Ser Choon Ing, setiausaha kehormat Jawatankuasa Suqiu pelancaran dokumen itu pada asalnya dijadualkan berlangsung pada Hari Kemerdekaan (31 Ogos). Namun Jawatankuasa Suqiu menghadapi berbagai-bagai tekanan daripada banyak pihak, mereka mengkhawatir kalau pelancarannya tidak diawalkan, mereka mungkin langsung tidak berpeluang melancarkannya, hasil interviu bertarikh 21.12.2001.

mereka mengajukan dokumen tuntutan yang berjudul Permintaan Huatuan dalam Pilihan Raya 1990.

Idea penggubalan Suqiu dicetuskan dalam bulan Mei 1999 oleh CRC Selangor²³, sebuah jawatankuasa di bawah DPCS. Pada mulanya DPCS memainkan peranan sebagai jawatankuasa penaja Suqiu dan menjemput pertubuhan-pertubuhan Cina untuk membincangkan penggubalannya dan menubuhkan sebuah jawatankuasa tetap. Dalam hal ini dua buah persatuan peneraju dalam masyarakat Cina, iaitu GPCM dan ACCCIM yang mengamalkan aliran kompromi dan prokerajaan sejak awal tahun 1990-an turut diundang. Malah GPCM diminta untuk menerajui Jawatankuasa Suqiu tetapi pertubuhan itu menolaknya (*Sin Chew Jit Poh* 17.8.1999). Kedua-dua pertubuhan itu kemudiannya enggan menganggotai Suqiu.

DPCS juga tidak bersetuju untuk mengetuai Jawatankuasa Suqiu atas alasan ia bukan pertubuhan nasional.²⁴ Dengan perkembangan itu maka Dongjiaozong tampil untuk menerajui Suqiu. Pengurus Dongzong, Quek Suan Hiang dipilih ke jawatan pengurus Jawatankuasa Suqiu. Dokumen Suqiu hanya dilancarkan selepas jawatkuasa itu bermesyuarat sebanyak 11 kali dan draf dokumen itu yang disediakan selama dua bulan oleh para cendekiawan Cina disemak dan diubah suai sebanyak 11 kali (Ibid.).

²³ Maklumat ini diperoleh hasil intervju bertarikh 21.12.2001 dengan Ser Choon Ing yang juga merupakan pengurus CRC Selangor.

²⁴ Hasil intervju dengan Quek Suan Hiang pengurus Jawatankuasa Suqiu bertarikh 23.12.2001.

Sungguhpun Suqiu hanya dikemukakan oleh 11 buah pertubuhan Cina²⁵ tetapi pelancarannya mendapat sambutan hangat daripada Huatuan di seluruh negara. Umpamanya sebelum pilihan raya umum, iaitu sehingga 21 Oktober 1999 sudah terdapat 2,095 buah Huatuan mengiktiraf dan memeterai dokumen tersebut (*Sin Chew Jit Poh* 17.8.2000). Bagaimanapun ACCCIM dan GPCM hanya memperaku dokumen itu tetapi enggan menandatanganinya. Pendirian kedua-dua pertubuhan itu mendapat kritikan dan kecaman daripada masyarakat Cina massa kerana dikatakan tidak mengambil kira sentimen dan kepentingan komunitinya.

Dalam pada itu sejurus selepas pelancaran Suqiu, GPCM juga meminta untuk menganggotai Suqiu dan berhasrat menokok tambah isi kandungan dokumen itu. Namun pimpinan Quek Suan Hiang menolak permintaan itu. Dalam hal ini GPCM meminta supaya tuntutan jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua, Menteri Kewangan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kedua dan Timbalan Menteri Pertanian daripada orang Cina dimasukkan ke dalam Suqiu (*Sin Chew Jit Poh* 26.8.1999). Permintaan itu mendapat bantahan ramai pemimpin dan aktivis Huatuan. Umpamanya Ngan Ching Wen, presiden DPCS pada waktu itu menganggap tuntutan itu akan menjadikan Suqiu bersifat perkauman dan boleh menimbulkan kebimbangan parti-parti politik bukan Cina (*Sin Chew Jit Poh* 1.9.1999).

²⁵ Pertubuhan-pertubuhan itu ialah Dongzong, Jiaozong, Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia, Nanyang University Alumni Association of Malaysia, Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia, Gabungan Persatuan Kwang Tung Malaysia, Persatuan Kwangsi Malaysia, Persatuan San Kiang Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Foochow Malaysia, Huazi Research Centre Malaysia, dan DPCS.

Selain mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada Huatuan dan orang Cina, Suqiu turut memperoleh sokongan parti-parti politik Cina. DAP menyokong penuh Suqiu sejak pelancarannya. MCA dan Gerakan pula memperakukan semangat asas Suqiu dan menyokongnya serta menyatakan kesediaan mereka untuk bekerjasama demi merealisasikan isi kandungan Suqiu (*Nanyang Siang Pau* 19.8.1999). Malah naib presiden MCA, Ong Ka Ting berpendapat bahawa banyak isi kandungan Suqiu secocok dengan matlamat perjuangan MCA.

Walau bagaimanapun berita tentang Suqiu tidak mendapat liputan di akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris pada awal penubuhannya. Oleh itu masyarakat Malaysia bukan keturunan Cina kurang mengetahui pelancaran dokumen tuntutan itu. Tuntutan Suqiu hanya mula mendapat perhatian akhbar-akhbar tersebut selepas *Straits Times*, akhbar dari Singapura menyiarkannya pada 2 September 1999. Timbalan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi memberi respons kepada laporan berita itu dengan menyatakan bahawa BN menolak Suqiu kerana sokongan yang diberi kepada BN harus tidak bersyarat.²⁶ (*Sin Chew Jit Poh* 7.9.1999).

Sehari kemudian *Berita Harian* pula menyiarkan liputan dengan kepala berita yang berjudul “GPCM kutuk Suqiu”. Liputan berita itu ditulis hasil temu ramah wartawan dengan presiden GPCM, Chong Chin Shoong. Pemimpin itu dilaporkan mengatakan bahawa GPCM telah menolak Suqiu dan tuntutan itu merupakan tindakan beberapa buah Huatuan yang mengajukannya demi kepentingan

²⁶ Namun akhbar-akhbar Cina telah melaporkan pada hari berikutnya bahawa Ong Ka Ting dalam kapasitinya mewakili Timbalan Perdana Menteri menafikan laporan berita dan menuduh para wartawan yang silap dalam memetik ulasan pemimpin tersebut.

peribadi. Dia turut menganjurkan bahawa masyarakat Cina patut mengamalkan pendekatan kompromi dan bukannya ugutan dalam perjuangannya. Selanjutnya dia memberitahu bahawa BN tidak perlu meragui sokongan orang Cina kerana GPCM mewakili 5000 buah Huatuan di Malaysia.²⁷ (*Berita Harian* 8.9.1999).

Dr. Mahathir yang memberikan reaksi satu minggu selepas kenyataan timbalannya itu menganggap bahawa Suqiu hanya membabitkan segelintir orang Cina, oleh itu permintaan tersebut tidak mampu mewakili suara masyarakat Cina dan bahkan menganggapnya sebagai ugutan menjelang pilihan raya umum (*Sin Chew Jit Poh* 15.9.1999). Bagaimanapun kabinet telah melantik Ling Liang Sik untuk mengetuai satu pasukan menteri yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin parti komponen Cina, iaitu MCA, Gerakan, dan SUPP bagi menemui Jawatankuasa Suqiu pada 23 September 1999.²⁸ Selepas mesyuarat itu pasukan menteri dalam kapasitinya mewakili kabinet membuat pengumuman bahawa kerajaan menerima Suqiu secara prinsip.²⁹ Ling Liang Sik menyatakan bahawa Suqiu mewakili 99% masyarakat Cina Malaysia dan tidak mengajukan satu ugutan kepada kerajaan (Loh 2000 : 6). Sokongan menteri kanan itu bersandarkan alasan :

²⁷ Pemimpin Huatuan itu menafikan laporan akhbar itu keesokan harinya dan menyatakan bahawa pemberita yang menemu bual beliau telah silap memetik pendapatnya. Dia seterusnya meminta *Berita Harian* membuat pembetulan berita tersebut tetapi akhbar itu tidak merespons kepada permintaannya.

²⁸ Dalam pertemuan itu, selain 11 buah Huatuan penganjur Suqiu dan menteri-menteri keturunan Cina, pemimpin-pemimpin GPCM dan ACCCIM turut menghadirinya.

²⁹ Namun Dr. Mahathir sendiri mengakui di Parlimen pada 11 Disember 2000 bahawa pendirian kerajaan itu diambil semata-mata sebagai strategi BN bagi menghadapi pilihan raya umum. Dalam hujahnya, pemimpin itu membidas Suqiu kerana mencabar kontrak sosial antara kaum yang dicapai semasa kemerdekaan negara. Untuk hujah penuh beliau, lihat *Utusan Malaysia* 12.12.2000.

We feel that the principles are universal and can be accepted by all ... They (the Chinese associations) said that the principles are meant to benefit all races and not the Chinese alone.

(Ibid.)

Dengan jaminan para menteri kerurunan Cina itu, Suqiu kelihatan mempunyai prospek yang cerah. Namun nasib Suqiu berubah secara tuntas selepas pilihan raya umum ke-10, iaitu satu tahun selepas pelancarannya yang juga menyaksikan UMNO berada dalam satu tempoh pemulihan dan pemerkasaan parti bagi membina kembali kerelevanannya dalam persada politik Malaysia.³⁰

Suqiu sebenarnya mewarisi tradisi membuat tuntutan dalam perjuangan Huatuan ke arah melindungi kepentingan rakyat Malaysia dan pembentukan masyarakat civil. Kebanyakan pemimpin dan aktivis Huatuan menganggap dokumen itu merupakan kesinambungan daripada PBPCM, sebuah dokumen tuntutan Huatuan yang dikemukakan dalam tahun 1985. Suqiu turut mengekalkan semangat PBPCM yang bersifat tidak komunal dan berlandaskan tuntutan hak demokrasi dan sivil.

³⁰ Suqiu hanya menjadi isu kontroversial dan mendapat liputan hangat akhbar-akhbar Melalu selepas jawatankuasanya mengadakan perayaan ulang tahun yang berlangsung pada 16 Ogos 2000. Perayaan itu turut dihadiri pemimpin-pemimpin parti pembangkang, antaranya ialah Subky Latif dari PAS. Pada waktu itu memang terdapat niat sesetengah pihak dalam UMNO untuk mencari sesuatu isu agar dapat menyatu kembali orang-orang Melayu dan seterusnya menangani krisis yang dihadapi UMNO. Kecenderungan ini dapat dilihat apabila 2 hari sebelum perayaan itu, *Utusan Malaysia* menyiaran berita kontroversial di muka depan akhbar yang memuatkan pandangan David Chua, timbalan setiausaha agung ACCCIM dan timbalan pengurus MAPEN II dengan kepala berita yang berjudul "Hapus Hak Istimewa Melayu". Namun pemimpin Huatuan itu menafikan laporan itu dan telah memberi penjelasan kepada Perdana Menteri. Selanjutnya akhbar itu (17 Ogos 2000) juga memuatkan berita perayaan Suqiu di muka depan dengan judul "Persatuan Cina Ulangi 17 Tuntutan". Berikut laporan tersebut Pemuda UMNO yang diketuai naib ketuanya, Abdul Aziz Sheikh Fadzir telah melancarkan demonstrasi di bangunan DPCS, Kuala Lumpur. Sejak itu Suqiu telah menjadi isu hangat yang mendapat liputan meluas di akhbar-akhbar Melayu dan menjadi sasaran kritikan pemimpin-pemimpin Melayu. Dr. Mahathir juga menyifatkan para pendukung Suqiu sebagai ekstremis Cina yang menyerupai golongan komunis dalam perutusan sambutan Hari Kemerdekaan ke-43nya. Untuk perbincangan lanjut tentang isu ini, lihat Loh (2000).

Umpamanya A. Samad Ismail semasa mengulas isu Suqiu dalam kolumnya akhbarnya berpendapat bahawa tuntutan Suqiu tidak ditujukan khusus kepada sesuatu kaum, sebaliknya sasarannya ialah kepada semua parti politik dan isu-isu yang dibangkitkan dalam dokumen tersebut membabitkan soal prinsip atau dasar yang mampu mempertingkatkan mutu demokrasi dan hak asasi manusia (*Nanyang Siang Pau* 25.10.1999).

Pengerusi Jawatankuasa Suqiu, Quek Suan Hiang menganggap Suqiu sebagai dokumen yang menjangkaui abad, bersifat makro dan menyeluruh. Oleh yang demikian dokumen itu mencakupi isu-isu dan kepentingan yang melibatkan rakyat pelbagai kaum dan dari pelbagai golongan atau lapisan masyarakat. Antaranya termasuklah kebijakan golongan wanita, pekerja ladang, Orang Asli, dan peneroka bandar. Tuntutan Suqiu yang berjumlah 83 itu dikategorikan di bawah 17 perkara (lihat Lampiran E untuk perinciannya) :

1. Menggalakkan perpaduan negara,
2. Mempertingkatkan demokrasi,
3. Mempertahankan hak asasi manusia dan menegakkan keadilan,
4. Membasmi amalan rasuah,
5. Laksanakan dasar ekonomi yang adil,
6. Kaji semula dasar penswastaan,
7. Laksanakan dasar pendidikan yang progresif dan liberal,
8. Galakkan perkembangan pelbagai kebudayaan,
9. Lindungi alam sekitar,
10. Modenisasikan dan bagunkan perkampungan baru,
11. Realisasikan dasar ‘Perumahan untuk Semua’,

12. Lindungi hak asasi wanita,
13. Media yang adil,
14. Memulihkan keyakinan rakyat terhadap pasukan polis,
15. Memperbaiki kebijakan,
16. Hormati hak pekerja, dan
17. Saraan Orang Asli.

(Jawatankuasa Suqiu 1999)

Bagamanapun Suqiu yang dikemukakan dari perspektif seluruh rakyat Malaysia tidak dapat mengelakkan perjuangannya daripada dikaitkan dengan tuntutan bagi kepentingan eksklusif masyarakat Cina. Quek Suan Hiang yang berucap pada hari pelancaran Suqiu menyeru kepimpinan Huatuan dari seluruh negara untuk menyokong dan memeterainya demi mengatasi masalah-masalah yang selama ini melanda masyarakat Cina (*Sin Chew Jit Poh* 17.8.1999). Sementara itu *Far Eastern Economic Review* (10.8.2000) dalam laporannya juga berpendapat walaupun Suqiu dikemukakan melalui nada bukan komunal namun tuntutan itu bertujuan menamatkan amalan diskriminasi terhadap masyarakat Cina Malaysia.

7.3.3 Isu Suqiu, Masyarakat Cina dan Pilihan Raya Umum 1999

Jawatankuasa Suqiu tidak menamatkan tugasnya pada tahap pelancarannya sahaja. Memang dari awal lagi jawatankuasa itu sudah menetapkan matlamat untuk memperjuangkan tuntutan-tuntutannya agar ia dimasukkan ke dalam manifesto pilihan raya parti-parti politik dari pemerintah dan pembangkang serta melihatnya untuk direalisasikan. Dengan pegangan itu maka dapat dikatakan bahawa Jawatankuasa Siqiupai badan pendesak CRC yang memainkan peranan

cergas dalam pilihan raya umum 1986 dan 1990. Dalam keadaan ini Suqiu sebenarnya berperanan sebagai satu deklarasi politik yang menuntut ahli-ahli politik yang bakal bertanding dalam pilihan raya umum dan parti mereka menyatakan pendirian mereka terhadap Suqiu dan para pengundi pula diseru mengundi calon-calon pilihan raya atau parti yang menyokong tuntutan itu. Hal yang demikan memberi tekanan kepada sesetengah parti politik, terutamanya parti pemerintah.

Kehadiran Suqiu telah menghangatkan senario politik Malaysia menjelang pilihan raya umum 1999 yang memang sudah membahang ekoran daripada gerakan reformasi dan kelahiran BA. Pelancaran Suqiu berjaya mencetuskan kesedaran di kalangan rakyat pelbagai kaum dan lapisan untuk mengemukakan rayuan/tuntutan bagi memperjuangkan hak dan kepentingan mereka sebagai rakyat dalam masyarakat sivil. Kecenderungan ini memperlihatkan kewujudan satu siri dokumen tuntutan yang belum pernah berlaku dalam sejarah pilihan raya umum Malaysia. Umpamanya sekumpulan aktivis muda keturunan Cina turut mengemukakan Deklarasi Rakyat Adalah Bos dan Deklarasi Rakyat. Dari komuniti India pula ada Tuntutan Orang-Orang India Malaysia. Golongan wanita juga mengajukan Agenda Wanita untuk Perubahan. Manakala pekerja hospital menghantar Memorandum Membantah Pengkorporatan Hospital Awam (SIRD 2000 : 6).

Dalam pada itu kemunculan parti Keadilan juga dilihat secara positif oleh ramai orang Cina. Dengan kelahiran parti itu masyarakat Cina sekali lagi berada dalam senario yang hampir serupa dengan keadaan politik menjelang pilihan raya umum 1990. Seperti juga Semangat 46, parti Keadilan merupakan natijah daripada perpecahan UMNO. Akibat perpecahan kuasa politik Melayu kali ini, kaum Cina

diramalkan menjadi faktor penentu yang lebih signifikan dalam menentukan keputusan pilihan raya umum. Masyarakat Cina menganggap perkembangan tersebut kondusif kepada perjuangan kepentingan mereka lantaran suara hati mereka akan lebih diberi perhatian oleh pemerintah.

Tambahan pula kewujudan parti Keadilan turut dilihat mampu memberi nafas baru kepada struktur politik Malaysia yang selama ini ditunjangi politik komunal. Para pemimpin dan aktivis masyarakat Cina, terutamanya dari Huatuan sudah lama menganggap politik komunal tajaan BN itulah yang menjadi penyumbang kepada segala masalah dan dilema orang Cina. Oleh itu penubuhan parti Keadilan yang membuka keahliannya kepada pelbagai kaum menampilkkan peluang bagi mengubah struktur politik komunal tersebut dan seterusnya dapat menangani permasalahan yang sekian lama mendepani masyarakat Cina.

Kesedaran itu mendorong sekumpulan pemimpin Huatuan dan aktivis hak sivil yang berjumlah 42 orang menyertai parti Keadilan pada 30 Mei 1999. Mereka terdiri daripada Ngeow Yin Ngee, ahli lembaga pengurus DPCS dan dua orang bekas ketua Pemuda DPCS, iaitu Lee Kin Sin dan Low Chee Cheong. Upacara penyertaan itu disokong dan disaksi oleh para pemimpin dan aktivis Huatuan yang veteran, seperti Sim Mow Yu, Kua Kia Soong, Lee Ban Chen, dan Yang Pei Keng. Sim Mow Yu juga menghadiahkan Wan Azizah, Presiden Keadilan sebuah tulisan kaligrafinya yang tertera perkataan parti Keadilan dalam tulisan Cina.

Bagaimanapun penyertaan Huatuan dalam politik kali ini hanya melibatkan pemimpin dan aktivis pelapis. Pemimpin-pemimpin utama Huatuan memilih untuk

kekal dalam persatuan Cina dan memperjuangkan kepentingan orang Cina melalui Suqiu. Pendirian demikian memperlihatkan mereka lebih yakin dengan kedudukan Huatuan yang berperanan sebagai kumpulan kepentingan. Dengan pegangan itu maka Jawatankuasa Suqiu berdialog dengan parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya supaya tuntutan-tuntutan Suqiu itu dapat diterima. Namun hanya parti-parti pembangkang sahaja memberi respons yang menggalakkan. Ini dapat dilihat apabila empat orang Presiden parti pembangkang utama, iaitu Fadzil Noor, Wan Azizah, Syed Husin Ali, dan Lim Kit Siang tampil untuk menerima dokumen Suqiu dalam satu majlis penyerahan yang berlangsung menjelang pilihan raya umum 1999. Maka itulah sebabnya A.Samad Ismail menganggap PAS, PRM, dan Keadilan menyambut baik Suqiu kerana dokumen itu mampu memperkasakan perjuangan mereka dalam isu demokrasi, hak asasi manusia, dan keadilan (*Nanyang Siang Pau* 25.10.1999).

Pilihan raya umum ke-10 menampilkan satu cabaran yang paling sengit kepada BN. Hal ini demikian kerana buat pertama kalinya medan politik Malaysia menyaksikan kemunculan dua buah barisan politik yang memiliki kekuatan yang hampir serupa dan gagasan Sistem Dua Barisan telah menjadi kenyataan.³¹ Keadaan itu sudah tentu akan mendorong BN dan BA berkempen berhabis-habisan dalam pilihan raya umum. Sebaik sahaja Dr. Mahathir mengumumkan pembubaran Parlimen pada 10 November 1999, kedua-dua barisan dapat menggerakkan jentera

³¹ Sistem Dua Barisan yang dibentuk dalam pilihan raya umum 1990 belum menepati erti kata sebenarnya. Ini adalah kerana terdapat tiga barisan pada waktu itu, iaitu BN, APU, dan Gagasan Rakyat. Walaupun terdapat kerjasama antara APU dan Gagasan Rakyat, namun satu pakatan pembangkang tunggal yang padu dan mantap seperti BA gagal dibentuk bagi menentang BN.

pilihan raya mereka dengan segera lantaran mereka sudah menunggu dan bersedia terhadap pembubaran tersebut.

Sehari selepas penamaan calon, BN mengumumkan manifesto pilihan rayanya yang berjudul “Malaysia Bebas Sepadu Maju”. Manifesto itu merangkumi tujuh perkara, iaitu kebebasan, sepadu, ekonomi, agama, politik, sosial, dan dasar luar yang bertemakan penjaminan kestabilan dan kesejahteraan negara. Untuk mencapai tema tersebut, manifesto BN memberi penekanan kepada kebebasan yang menurut takrifannya sebagai bebas daripada pengaruh dan kongkongan kuasa besar, IMF, serangan penyanggak mata wang dan bebas menentang segala bentuk penjajahan moden serta bebas membentuk pendekatan sendiri bagi menangani krisis kewangan dan ekonomi negara (BN 1999).

Dalam kempen-kempen pilihan rayanya, BN mengaitkan parti-parti pembangkang, terutamanya Keadilan yang merupakan pendukung demonstrasi antikerajaan dengan ancaman kepada kebebasan negara. BN menuduh parti pembangkang sebagai agen provokasi tajaan luar negara yang menggunakan kekerasan dan keganasan melalui demonstrasi jalan dalam perjuangan politik mereka. Umpamanya, iklan BN dalam akhbar berbunyi “Don’t Let Mob Rule Us”, “Don’t Let Violence Triumph” dan sebagainya (*Aliran* Disember 1999). Untuk memperkuat tuduhannya, BN mendakwa parti-parti pembangkang menerima bantuan kewangan daripada luar negara, iaitu Amerika Syarkat, Britain, Australia, dan Kanada. Selain itu BN menonjolkan kemampuan dirinya dan Perikatan dalam menguruskan pentadbiran negara selama 42 tahun. Manakala para pemimpin BA pula dilabel dalam iklan sebagai pemimpin yang tidak berpengalaman dan sehaluan

serta menyeru pengundi-pengundi supaya “Jangan Pertaruhkan Masa Depan Kita” (*Mingguan Malaysia* 21.11.1999).

Memandangkan BN berada dalam satu kedudukan yang terdesak lantaran penghakisan sokongan orang Melayu, maka sentimen perkauman turut diungkit dalam kempennya. Bagi memperoleh kesan yang diingini, BN melancarkan kempen menakut-nakutkan pengundi mengikut segmen etnik. Dalam hal ini akhbar milik UMNO, *Utusan Malaysia* banyak menyiaran berita dan rencana tentang bahaya orang Melayu kehilangan ketuanan di Malaysia jika mereka berpecah dan tidak menyokong UMNO.³² Kempen yang dituju kepada orang Melayu pula membawa mesej bahawa “DAP + PAS = Hancur Islam”; orang Cina pula dimomokkan bahawa satu undi untuk DAP bermakna satu undi untuk PAS dan Negara Islam (Lim 2001 : 6). Tambahan pula, pengundi-pengundi Cina juga ditakutkan dengan isu “Pergolakan Indonesia”³³ dan “Peristiwa 13 Mei”.

Dalam pada itu BA telah melancarkan manifesto bersamanya “Ke Arah Malaysia yang Adil” lebih awal daripada BN, iaitu pada 24 Oktober 1999. Manifesto itu memberi penekanan kepada soal nepotisme, kronisme, rasuah, penindasan, dan kepincangan dalam sistem pentadbiran negara dengan menyeru agar keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti diutamakan. Isu-isu kontroversial yang melibatkan PAS

³² Umpamanya dalam satu laporan berita bertarikh 7 November 1999, akhbar itu menyiaran berita yang berjudul “MCA ingatkan Melayu hilang ketuanan jika ‘bunuh’ UMNO” di muka depannya. Amaran itu dikemukakan oleh Chua Soi Lek, seorang ahli majlis tertinggi MCA dan juga Ahli Exco Kerajaan Negeri Johor.

³³ Dalam gerakan rakyat Indonesia menjatuhkan pemerintahan regim Suharto dan pergolakan politik yang tercetus dalam bulan Mei 1998, ada pihak yang berkepentingan telah menjadikan masyarakat Cina Indonesia sebagai sasaran dan mangsa mereka. Pelbagai kezaliman seperti penjarahan, membakar, membunuh, dan merogol telah dilakukan ke atas masyarakat minoriti itu, lihat umpamanya perbincangan dalam Suryadinata (2002).

dan DAP seperti Negara Islam dan konsep “Malaysian Malaysia” tidak dimasukkan ke dalam manifesto bersama itu. Lim Kit Siang menganggap penggubalan manifesto BA berjaya memecahkan genggaman politik lama yang didominasi oleh etnik dan agama dan penggubalannya bukan untuk berkongsi habuan kekuasaan tetapi untuk memecahkan hegemoni politik BN (Ibid. : 1).

Kempen-kempen pilihan raya BA menjurus ke arah menuntut dan memulihkan suasana keadilan, kebebasan, demokrasi, dan pemerintahan yang baik. Bagi mencapai matlamat itu, kempen parti-parti pembangkang banyak bertumpu kepada pendedahan gejala-gejala negatif seperti rasuah, nepotisme, kronisme, dan ketidakadilan yang didakwa berleluasa dalam pentadbiran BN. Dalam hal ini mereka memanfaatkan sepenuhnya kes Anwar dengar memaparkan poster mata lebam Anwar di merata-rata tempat.³⁴ Sementara itu penghukuman penjara ke atas Lim Guan Eng yang dianggap umum sebagai satu tindakan ketidakadilan turut dijadikan modal dalam ceramah-ceramah politik BA.³⁵ Malah pembebasannya pada 25 Ogos

³⁴ Kecederaan mata Anwar ternyata berlaku sejurus selepas dia ditahan di bawah ISA. Namun orang ramai hanya mengetahuinya selepas 9 hari, iaitu semasa beliau dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan salah laku seks dan rasuah. Akibat tekanan daripada masyarakat umum, sebuah suruhanjaya diraja yang dketuai Abu Talib Othman, bekas Ketua Peguam Negara ditubuhkan oleh kerajaan untuk menyiasat kes tersebut. Siasatan suruhanjaya itu menunjukkan Ketua Polis Negara, Rahim Noor bertanggungjawab mengakibatkan kecederaan mata Anwar. Rahim kemudiannya didakwa di bawah Seksyen 325, Kanun Keseksaan dan dia mengakui bersalah selepas tuduhannya dipinda. Pegawai polis tertinggi itu djiatuhi hukuman penjara selama dua bulan dan denda sebanyak RM 2000 oleh Mahkamah Seksyen.

³⁵ Lim Guan Eng telah memperjuangkan nasib seorang gadis Melayu bawah umur yang mengakui mempunyai hubungan seks dengan bekas Ketua Menteri Melaka, Abdul Rahim Thamby Chik. Bagaimanapun pihak pendakwa tidak mengenakan apa-apa dakwaan ke atas Rahim. Gadis itu pula diberi kawalan di sebuah rumah kebajikan. Manakala Guan Eng didakwa di bawah Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Mahkamah Tinggi Melaka mendapati ahli politik itu bersalah dan mengenakan hukuman denda RM 15,000 ke atasnya pada bulan April 1997. Mahkamah Rayuan pula mengenakan hukuman yang lebih berat, iaitu 18 bulan penjara apabila Guan Eng membuat rayuan. Pada 25 Ogos 1998, Mahkamah Persekutuan menolak rayuan Guan Eng dan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Rayuan, lihat Low (2000 : 276).

1999 dapat berperanan sebagai “rallying point” dalam kempen dan ceramah DAP dan BA (Hussain 1999 : 17).

Dengan penonjolan isu-isu itu maka respons rakyat, terutamanya pengundi Melayu kelihatan memihak kepada BA. Bagaimanapun kerjasama DAP dan PAS dalam BA pula mencetuskan kebimbangan masyarakat Cina terhadap isu Negara Islam. Lim Kit Siang sendiri mengakui bahawa penyertaan DAP dan BA mempunyai risiko tinggi dan pemimpin itu meramalkan bahawa DAP sama ada “menang besar atau kalah teruk” (*Sin Chew Jit Poh* 26.11.1999).

Dalam pertarungan sengit antara BN dengan BA dan kehangatan kempen pilihan raya, isu Suqiu kelihatan menjadi terpinggir. Penerimaan Suqiu oleh BN dan BA seolah-olah menjadikannya sesuatu yang bukan isu lagi. Namun Jawatankuasa Suqiu tetap mengadakan majlis penerangan dan dialog di merata-rata tempat serta mengeluarkan kenyataan akhbar demi menyebar dan merealisasikan tuntutannya. Umpamanya tiga hari sebelum pembuangan undi, Jawatankuasa Suqiu mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa mereka terkilan terhadap BN kerana tidak merangkumkan secara konkrit 17 tuntutanya ke dalam manifesto BN. Manakala jawatankuasa tersebut menganggap manifesto BA mengemukakan saranan dan pandangan yang secocok dengan Suqiu. Kenyataan itu seterusnya menyeru para pengundi supaya mengundi calon pilihan raya yang menyokong dan berhasrat merealisasikan Suqiu (Jawatankuasa Suqiu 2002 : 88-89).

Keputusan pilihan raya umum 1999 membawa kejutan yang menggegarkan arena politik Malaysia lantaran terdapat pelbagai keputusan luar jangkaan. UMNO

terkejut. Begitu juga DAP. Walaupun BN dapat mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen tetapi kehilangan sokongan orang Melayu terhadap UMNO amat ketara dan drastik. Hal yang demikian menyebabkan 4 orang menteri dan 5 orang timbalan menteri kerajaan pusat serta seorang Ketua Menteri dan setiausaha Parlimen dari UMNO tewas dalam pilihan raya umum. Menteri yang kecundang ialah Abdul Hamid Othman, Megat Junid Megat Ayub, Muatapa Mohamed, dan Annuar Musa ; manakala timbalan menteri pula terdiri daripada Ibrahim Saad, Ibrahim Ali, Idris Jusoh, Abu Bakar Daud, dan Tengku Mahmud Mansor (Aziz 1999). Ketua Menteri Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad pula terpaksa menamatkan karier politiknya dalam menerajui kerajaan negeri selama 25 tahun selepas kekalahan itu.

Penghakisan sokongan pengundi Melayu terhadap UMNO/BN berpunca daripada kes pemecatan Anwar dan kebangkitan PAS dan ia merupakan satu fenomena yang menimpa semua pemimpin BN, terutamanya dari UMNO. Umpamanya Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan hanya menang tipis dengan kelebihan undi sebanyak 241 sahaja. Manakala majoriti yang diperoleh Zaleha Ismail, Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat pula menjunam daripada 30,878 undi kepada 803 undi. Jadual berikut merincikan kecenderungan yang dimaksudkan :

Jadual 7.2 Perbandingan Undi Majoriti Menteri-Menteri Kerajaan Pusat dalam Pilihan Raya Umum 1999 dan 1995

Menteri	Kaw. Parlimen	1999	1995	Perbezaan
Dr. Mahathir Mohamed	Kubang Pasu	10138	17226	- 7088
Abullah Ahmad Badawi	Kepala Batas	11175	17834	- 6659
Daim Zainuddin	Merbok	15376	22201	- 6825
Abdul Hamid Othman	Sik	- 478*	2134	- 2612
Dr. Siti Zaharah	Paya Besar	3563	16759	- 13196
Mustapa Mohamed	Jeli	- 693*	572	- 1265
Najib Tun Razak	Pekan	241	10793	- 10552
Syed Hamid Albar	Kota Tinggi	31168	33769	- 2601
Anuar Musa	Peringat	- 4525*	1935	- 6460
Dr. Ling Liong Sik	Labis	13790	15045	- 1255
Muhiddin Yassin	Pagoh	12850	17599	- 4749
Samy Vellu	Sungai Siput	5259	15610	-10361
Lim Keng Yek	Beruas	1455	11254	- 9799
Leo Moggie	Kanowit	5308	Menang tanpa tanding	-
Rafidah Aziz	Kuala Kangsar	2774	10649	- 7875
Megat Junid	Parit	- 1293*	17115	- 18408
Law Hieng Ding	Sarikei	7363	Menang tanpa tanding	-
Chua Jui Meng	Bakri	13360	12318	+ 1042
Ting Chew Peh	Gopeng	6360	14788	- 8428
Abdul Kadir Sheikh Fadzir	Kulim-Bandar Baharu	8067	14302	- 6235
Zaleha Ismail	Gombak	803	30878	- 30075

Sumber : *Sin Chew Jit Poh* 1.12.1999.

Catatan : * = Tewas dalam pilihan raya umum 1999

Peralihan sokongan orang Melayu telah menjelaskan prestasi UMNO dengan ketara. Sebagai tunjang kepada BN, UMNO kehilangan 17 kerusi Parlimen dengan memenangi 72 kerusi berbanding dengan 89 kerusi pada tahun 1995. Kemerosotan UMNO yang lebih menonjol ditunjukkan dalam kerusi DUN apabila parti itu hanya

memperoleh 175 kerusi berbanding dengan 231 kerusi dalam pilihan raya umum yang lepas. Parti itu bukan sahaja kecundang dalam menawan semula pemerintahan Kelantan, malah penguasaannya terhadap Terengganu turut dirampas oleh PAS. Dengan hal yang demikian maka boleh dibuat kesimpulan bahawa UMNO merupakan parti yang mengalami kerugian yang terbesar dalam pilihan raya umum kali ini (Farish 2000 : 40). Dan parti itu turut ditimpa kekalahan elektoral yang paling buruk dalam sejarah penubuhannya (Funston 2000 : 51).

Walau bagaimanapun fenomena peralihan sokongan terhadap BN tidak berlaku di kalangan pengundi Cina. Sebaliknya masyarakat Cina pula memberi sokongan padu kepada BN dan kecenderungan tersebut memperlihatkan kewujudan polarisasi dalam pola pengudian antara dua kumpulan etnik terbesar di Malaysia. Pola pengundian yang demikian telah membantu calon-calon UMNO mempertahankan kerusi mereka. Malah Hari Singh (2000 : 37) menganggap kemenangan BN dalam pilihan raya umum kali ini berpunca daripada sokongan orang Cina.

Dalam hal ini pengundi-pengundi Cina ternyata menjadi faktor penentu yang lebih signifikan. Umpamanya dalam persaingan yang sengit antara Sharizat Abdul Jalil (BN) dan Zianur Zakaria (Keadilan) di kawasan Parlimen Lembah Pantai, sokongan orang Cina (komposisinya 26.4%) telah menyumbangkan kemenangan tipis dengan majoriti 1,417 undi berbanding 13,361 (tahun 1995) kepada Sharizat. Begitu juga Suleiman Mohamed yang bertanding di kawasan Parlimen Titiwangsa dengan komposisi pengundi Cina berjumlah 27.9% hanya menang dengan majoriti sebanyak 1,513 undi berbanding dengan 18,966 undi dalam tahun 1995. Manakala di

kawasan yang komposisi pengundi Cinanya meningkat, calon UMNO didapati berjaya mempertahankan kerusi mereka dengan selesa. Ini dapat dilihat di kawasan Parlimen Sungai Petani yang komposisi pengundinya berjumlah 30.6%, calon UMNO Mahadzir Md. Khir telah menewaskan calon Keadilan dengan majoriti sebanyak 12,133 undi.

Sokongan masyarakat Cina yang memihak kepada BN turut membantu MCA dan Gerakan mempertahankan kedudukan dan kemenangan cemerlang yang dicapai oleh kedua-dua buah parti itu dalam pilihan raya umum 1995. MCA memenangi 28 kerusi Parlimen daripada 35 kerusi yang ditandingi berbanding dengan 30 daripada 35 pada tahun 1995. Bagi kerusi DUN, parti itu mencatat kejayaan di 68 kawasan berbanding dengan 70 kawasan pada tahun 1995. Di Pulau Pinang MCA mengulangi kecemerlangannya dalam tahun 1995 dengan mencatat kemenangan di semua kerusi DUN yang ditandinginya. Manakala Gerakan berjaya menyamai prestasinya dalam pilihan raya umum yang lepas dengan memenangi 7 kerusi Parlimen daripada 10 kerusi yang diletakkan calon. Dari segi jumlah kerusi DUN pula, Gerakan memenangi 33 kerusi berbanding dengan 32 kerusi pada tahun 1995.

Walaupun terdapat peralihan sokongan orang Melayu kepada parti pembangkang tetapi keputusan pilihan raya menunjukkan hanya PAS muncul sebagai penerima manfaat yang tunggal. Prestasi PAS telah melonjak dengan drastik dalam pilihan raya umum kali ini. Kerusi Parlimen parti itu bertambah hampir 4 kali

ganda, iaitu dari 7 kerusi dalam tahun 1995 kepada 27 kerusi.³⁶ Peningkatan prestasinya di kawasan Parlimen negeri Kedah begitu menonjol. PAS bangkit dari kerusi sifar pada tahun 1995 dengan mencatatkan kemenangan di 8 kawasan Parlimen yang melepassi prestasi BN dengan 1 kerusi. PAS dan Keadilan juga menyapu bersih semua kerusi Parlimen di Terengganu dengan masing-masing memenangi 7 kerusi dan 1 kerusi.

Dalam perebutan kerusi DUN pula, PAS memenangi 98 kerusi berbanding dengan 33 pada pilihan raya umum yang lepas. Prestasi cemerlang ini membantu PAS mengekalkan pentadbirannya di Kelantan dan seterusnya menumbangkan kerajaan negeri BN di Terengganu. Peralihan sokongan Melayu secara besar-besaran kepada PAS turut mengakibatkan tiga orang tokoh ulama UMNO, iaitu Wan Mokhtar, Hamid Othman, dan Yusof Noor tewas di tangan calon PAS (Aziz 1999). Selain negeri-negeri di utara, PAS juga berjaya bertapak di kubu UMNO di negeri Perak, Selangor, dan Pahang dengan kemunculan beberapa orang tokoh seperti Hassan Ali, Shafie Abu Bakar, dan Ismail Kamus.

Dalam pada itu DAP, rakan PAS dalam BA pula ditimpa prestasi buruk. DAP yang sudah sekian lama menerajui jawatan ketua pembangkang di Parlimen terpaksa melepaskan jawatan itu kepada PAS lantaran hanya memenangi 10 kerusi Parlimen daripada 37 kerusi yang ditandingi, iaitu 1 kerusi lebih baik daripada prestasinya dalam tahun 1995. Bagaimanapun tamparan yang paling hebat menimpa parti itu ialah dua orang gergasi politiknya, Lim Kit Siang dan Karpal Singh tewas di kedua-

³⁶ Bagaimanapun jumlah itu telah berkurang kepada 26 kerusi apabila calon PAS tidak dapat mempertahankan kerusi Parlimen Pendang dalam pilihan raya kecil yang diadakan pada 18 Julai 2002 berikutan kematian Fadzil Noor, penyandang kerusi Parlimen tersebut.

dua kawasan Parlimen dan DUN. Pengurus DAP, Dr. Chen Man Hin juga kecundang di kawasan Parlimen Rasah. Di kawasan DUN, parti itu hanya dapat mempertahankan 11 kerusi daripada 88 kerusi yang ditandingi. Akibat peralihan sokongan pengundi Cina kepada BN, majoriti undi yang dicatat oleh calon-calon DAP yang menang turut berkurangan dengan ketara. Trend ini dapat dilihat dalam jadual di bawah :

Jadual 7.3 Perbandingan Majoriti Undi Calon-calon DAP di Kawasan Parlimen Pilihan Raya Umum 1999 & 1995

Kawasan	Pemenang 1999	Majoriti 1999	Majoriti 1995	Perbezaan
Kepong	Tan Seng Giaw	1766	5022	- 3256
Bukit Bintang	Fong Kui Lun	1134	5546	- 4412
Seputeh	Teresa Kok	5200	5615	- 415
Cheras	Tan Kok Wai	8992	14375	-5383
Bagan	Lim Hock Seng	2758	118	2640
Bukit Mertajam*	Chong Eng	2937	-	-
Nibong Tebal*	Goh Kheng Huat	1856	-	-
Tanjung	Chow Kon Yew	4477	6895	- 2418
Batu Gajah*	Fong Po Kuan	2071	-	-
Kota Melaka	Kerk Kim Hock	9389	29446	- 19779

Sumber : SPR (2002 : 105, 108, 114-117) ;

SPR (1997 : 82-92) ;

Utusan Malaysia 1.12.1999

Catatan : * = Kawasan Parlimen tersebut dimenangi calon BN dalam pilihan raya Umum 1995

Walaupun peralihan sokongan orang Melayu daripada UMNO berkait rapat dengan kes pemecatan Anwar, namun parti Keadilan yang didukungi Anwar Ibrahim tidak pula menunjukkan prestasi yang menjanjikan. Parti itu hanya berjaya memenangi 5 kerusi Parlimen daripada 60 kerusi yang dimasuk bertanding. Wan Azizah yang mewakili suaminya untuk bertanding di kawasan Permatang Pauh

mencatat kemenangan dengan majoriti 9,077 undi. Bagaimanapun pemimpin-pemimpin penting Keadilan seperti Chandra Muzaffar, Tian Chua, Marina Yusoff, dan Zainur Zakaria telah kecundang di tangan calon BN. Parti itu hanya berjaya di 4 kawasan DUN.

Prestasi Keadilan yang kurang memuaskan itu juga disumbangkan oleh pola pengundian orang Cina yang memihak kepada BN. Hal ini terbukti kerana semua calon Keadilan (4 orang) yang bertanding di kawasan Parlimen majoriti Melayu di Kelantan dan Terengganu telah menewaskan calon UMNO dengan selesa. Namun apabila calon Keadilan yang bertanding di kawasan campuran majoriti Melayu, di mana pengundi Cina berjumlah dalam lingkungan 20%-30%, semua calonnya tewas dengan majoriti yang agak tipis. Jadual di bawah menunjukkan trend ini :

Jadual 7.4 Trend Kekalahan Beberapa Calon Keadilan di Kawasan Parlimen Pilihan Raya Umum 1999

Kawasan dan Komposisi pengundi	Pemenang BN	Calon Keadilan	Majoriti
Sabak Bernam M=75.15%, C=19.1% I =5.74%, L=0.01%	Zainal Dahalan	Ghazali Basri	901
Shah Alam M=58.1%, C=20.9% I =20.86%, L=0.07%	Mohd. Zin Mohamed	Mohamed Ezam	1440
Lembah Pantai M=52.65%, C=26.4% I =19.45%, L=1.65	Shahrizat Abdul Jalil	Zainur Zakaria	1454
Bandar Tun Razak M=52.5%, C=39.6% I =7.1%, L=0.8%	Tan Chai Ho	Chandra Muzaffar	1224

Sumber : Kompilasi penulis dari data di *Utusan Malaysia* 1.12.1999

SPR (2002 : 112-115)

Catatan : M = Melayu, C = Cina
I = India L = Lain-lain

PRM, satu lagi parti komponen BA yang berusaha gigih mencari pertapakan politiknya dalam arus perubahan politik Malaysia juga dikecewakan tanpa memenangi sebarang kerusi Parlimen dan DUN. Dua orang tokoh pejuang PRM, iaitu Syed Husin Ali dan Sanusi Osman yang masing-masing bertanding di kawasan campuran majoriti Cina (Petaling Jaya Selatan) dan kawasan campuran majoriti Melayu (Batu) turut ditimpa nasib yang sama seperti Chandra Muzaffar dan Zainur Zakaria. Parti pembangkang di Sabah, PBS yang menyokong BA juga mencatat kemerosotan yang ketara. Penguasaan kerusi Parlimennya telah susut dari 8 kerusi dalam tahun 1995 kepada 3 kerusi sahaja. Malah Presiden PBS, Pairin Kitingan hanya berjaya mempertahankan kerusinya di Keningau dengan majoriti 250 undi sahaja.

Secara keseluruhannya pertarungan sengit antara BN dan BA dalam pilihan raya umum ke-10 membawa kegembiraan dan juga kepahitan kepada kedua-dua buah barisan. Jadual berikut merincikan prestasi setiap parti politik dalam pertarungan yang penuh debaran itu :

Jadual 7.5 Prestasi Parti-parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 1999 & 1995
 (Parlimen & DUN)

Parti	Parlimen		DUN		Peratusan Undi Sah	1995 1999
	1995	1999	1995	1999		
BN					65.15	56.0
UMNO	89	72	231	175		
MCA	30	28	70	68		
MIC	7	7	15	15		
Gerakan	8	7	22	23		
BN Sarawak	26	28	-	-		
BN Sabah	3	6	-	-		
Jumlah kecil	162	148	338	281		
Pembangkang					34.85	44.0
PAS	7	27	33	98		
DAP	8	10	11	11		
Semangat 46*	6	-	12	-		
Keadilan#	-	5	-	4		
PRM	0	0	0	0		
PBS	7	3	-	-		
Bebas	0	0	0	0		
Jumlah Kecil	30	44	56	113		
Jumlah Besar	192	193	394	394	100	100

Sumber : *Utusan Malaysia* 1.12.1999 ; Low (2000 : 279)

Catatan : 1. * = Semangat 46 telah dibubarkan pada Oktober 1996 dan menyertai semula BN.

2. # = Keadilan hanya ditubuhkan pada 4 April 1999.

Keputusan pilihan raya umum 1999 yang membawa kejutan besar itu menampilkan satu dimensi baru dalam politik Malaysia. Kedudukan UMNO sebagai tunjang kepada politik Melayu dan BN kelihatan tercabar lantaran peralihan sokongan orang Melayu kepada PAS. Hal ini demikian kerana UMNO buat pertama kalinya dalam sejarah politik parti berada pada satu keadaan di mana wakilnya dalam Parlimen adalah kurang daripada jumlah wakil parti-parti komponen BN, iaitu 72 kerusi berbanding 76 (SIRD 2000 : 33). Hakikat ini menunjukkan dominasi UMNO terhadap parti pemerintah sejak kemerdekaan Malaysia mula terdedah

kepada gugatan. Dalam fenomena perpecahan orang Melayu dan undi Melayu yang tidak dapat dielakkan lagi UMNO terpaksa bergantung kepada parti-parti komponen BN untuk meraih sokongan orang bukan Melayu.

Kesan perpecahan orang Melayu natijah daripada kes pemecatan Anwar telah dimanifestasikan dalam keputusan pilihan raya umum 1999 yang memperlihatkan kebangkitan PAS sebagai satu kuasa politik Melayu yang alternatif kepada UMNO. Perpecahan kali ini ternyata lebih buruk daripada tahun 1987. Ini adalah kerana penerima manfaat perpecahan itu bukan lagi parti serpihan UMNO seperti Semangat 46, sebalik PAS, sebuah parti yang memiliki ideologi yang sungguh berbeza daripada UMNO.

Kejayaan PAS dalam meraih sokongan orang Melayu menunjukkan bahawa fahaman fundamentalisme Islam pegangan parti itu lebih memikat jiwa orang Melayu. Manakala fahaman nasionalisme Melayu yang selama ini menjadi nadi UMNO semakin hilang daya tarikannya. UMNO sebenarnya disisihkan oleh orang Melayu yang selama ini diperjuang dan dilindunginya. Penyisihan ini amat ketara, malah waktu itu terdapat gagasan yang mengatakan bahawa UMNO sudah tidak relevan lagi kepada orang Melayu.

Kebangkitan PAS menampilkkan cabaran baru kepada arena politik Malaysia. Penguasaan kerusi Parlimen yang cemerlang oleh PAS membuka satu lembaran baru politik Malaysia yang menyaksikan kewujudan satu keadaan kerajaan dikuasai oleh Melayu dan pembangkang turut dikuasai Melayu (*Asiaweek* 10.12.1999). Politik pembangkang yang sekian lama diterajui DAP sudah berlepas tangan.

Dengan tunjang pembangkang beralih kepada kuasa politik Melayu maka politik pembangkang di Malaysia mempunyai ruang yang lebih cerah untuk perkembangan. Hal ini demikian kerana orang Melayu yang antikerajaan BN akan berasa selamat dan selesa untuk menyokong parti-parti pembangkang lantaran kuasa politik negara ini akan terus kekal di tangan orang Melayu.

Di samping itu kebangkitan PAS juga membawa bersamanya aspirasi politik Islam yang bakal mewarnai percaturan politik Malaysia. Dalam keadaan terdesak bagi meraih sokongan orang Melayu, UMNO dijangka akan bersaing dengan PAS bagi menonjolkan aspirasi politik Islam melalui dasar islamisasi. Kebimbangan tersebut telah disuarakan oleh Lim Kit Siang sehari selepas pilihan raya umum (*Nanyang Siang Pau* 1.12.1999). Masyarakat bukan Melayu Malaysia terpaksa mendepani satu milieu yang lebih bersifat islamik yang mungkin membawa ketidakselesaan kepada rutin kehidupan mereka.

Walaupun pilihan raya umum kali ini membabitkan pertarungan dua kuasa politik Melayu yang utama dengan diperkasakan oleh konflik Mahathir-Anwar, namun keputusan pilihan raya umum telah menunjukkan kepentingan undi orang bukan Melayu, terutamanya masyarakat Cina dalam situasi tersebut. Buat pertama kali dalam sejarah Perikatan dan BN, undi orang Cina mampu berperanan sebagai “penyelamat” kepada badan pemerintah itu. Trend tersebut membuktikan hakikat bahawa walaupun kuasa politik orang Cina semakin terpinggir tetapi ia masih mampu menjadi penentu yang signifikan dalam pilihan raya. Bagaimanapun pola pengundian orang Cina yang memihak kepada BN secara menyeluruh kali ini menampakkan sedikit keluarbiasaan.

Orang Cina yang selama ini lebih cenderung menyokong parti-parti pembangkang dalam tahun 1980-an didapati mengubah selera politik mereka dengan drastik. Pola pengundian orang Cina dalam pilihan raya umum ke-10 ini sekali lagi menunjukkan pertimbangan utama mereka ialah mengundi untuk kestabilan dan kemakmuran ekonomi. Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas kerana walaupun masyarakat Cina masih tidak berpuas hati dan membantah beberapa dasar kerajaan BN, umpamanya kewujudan tuntutan Suqiu yang mendapat sokongan meluas komuniti Cina, namun apabila mereka mendepani isu-isu yang lebih besar seperti Negara Islam dan gerakan reformasi, mereka ternyata lebih rela memilih kerajaan BN. Hal ini demikian kerana rekod pentadbiran BN yang baik selama 42 tahun membuktikan ia mampu berperanan sebagai pengamal kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Walaupun pakatan BA berjanji untuk membentuk Malaysia yang adil dan demokratik melalui perubahan dan reformasi politik yang diperjuangkan mereka tetapi perkara-perkara itu tidak membawa kesan yang realistik kepada kehidupan komuniti Cina. Malah pada anggapan kebanyakan orang Cina, perubahan yang drastik akan mengancam kestabilan politik dan merencatkan pemulihran ekonomi negara yang sedang berjalan lancar. Keadaan yang demikian akan menjelaskan kedudukan ekonomi dan masa depan orang Cina di Malaysia.

Dalam pada itu kempen-kempen pilihan raya BN, terutama melalui iklan di akhbar dan televisyen berjaya mengaitkan pihak pembangkang dengan aktiviti rusuhan, huru-hara, sabotaj, anarki, dan keganasan. Masyarakat Cina diberi bayangan bahawa sokongan kepada BA, sebuah pakatan yang belum teruji dan tidak

sehaluan bakal mengakibatkan mereka mengalami nasib yang sama dengan kaum Cina di Indonesia yang menyaksikan komuniti itu dijadikan sasaran rusuhan setelah kejatuhan Presiden Suharto dalam bulan Mei 1998. Ini amat berkesan dalam mempengaruhi pendirian pengundi-pengundi Cina, terutama mereka yang pernah melalui pengalaman pahit rusuhan kaum 13 Mei.

Di samping itu isu Negara Islam menjadi faktor penolakan orang Cina terhadap BA. Sungguhpun pembentukan Negara Islam tidak dimasukkan ke dalam manifesto BA tetapi isu itu tetap membekalkan minda masyarakat Cina. Ini adalah kerana PAS tidak pernah mengumumkan kerelaannya bagi melepaskan matlamat perjuangan politiknya bagi menubuhkan sebuah Negara Islam. DAP berusaha payah untuk menyihikan parti itu dari isu tersebut, tetapi dengan kempen-kempen BN yang menyeluruh, usaha DAP menemui kebuntuan. PAS digambarkan sebagai fanatik dan ekstremis agama melalui iklan-iklan di akhbar Cina. Masyarakat Cina diingatkan bahawa sekiranya PAS berjaya memerintah Malaysia, kaum Cina akan kehilangan kebebasan menganuti agama dan mengamalkan budaya mereka. Malah mereka terpaksa mendepani hukum hudud yang sangat digeruni mereka. Sentimen keimbangan dan ketakutan terhadap Negara Islam yang wujud di kalangan orang Cina menyebabkan mereka mengalihkan sokongan kepada BN. Lim Kit Siang sendiri mengakui bahawa isu Negara Islamlah yang menyumbang kepada kekalahan DAP (Ibid.).

Pilihan raya umum ke-10 yang penuh dengan pergolakan itu sebenarnya menampilkkan satu peluang untuk membaiki pemerintahan demokrasi Malaysia. Isu perjuangan BA seperti keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti kerajaan merupakan

inti sebuah pentadbiran yang baik. Kewujudan BA yang menyempurnakan Sistem Dua Barisan dan bentuknya yang menjangkaui sempadan etnik telah mengakis politik komunal yang selama ini mendominasi budaya politik Malaysia. Melihat peluang politik yang jarang wujud dalam arena politik Malaysia itu, maka DAP mengambil risiko untuk bekerjasama secara langsung dengan PAS dalam pakatan BA. Namun masyarakat Cina massa kelihatan belum lagi ada kesedaran dalam menanggapi manfaat yang bakal diperoleh daripada visi politik tersebut.

Kesedaran masyarakat Cina tentang manfaat politik yang boleh dibawa oleh reformasi politik tajaan BA hanya bertumpu di kalangan ahli DAP dan golongan terpelajar keturunan Cina. Seruan kumpulan ahli akademik dan aktivis Cina serta Jawatankuasa Suqiu supaya memanfaatkan peluang politik demi menyempurnakan sistem demokrasi Malaysia ternyata kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Cina massa. Golongan massa ini tidak menyedari bahawa penghapusan politik komunal dapat menyelesaikan dilema dan masalah yang sudah sekian lama melanda komuniti mereka. Mereka tidak pernah terfikir bahawa perjuangan kepentingan orang Cina, terutamanya hak kesamarataan dapat direalisasikan melalui sistem demokrasi yang sempurna. Keadaan ini menunjukkan visi dan kesedaran politik masyarakat Cina massa masih perlu dipertingkat.

7.4 Rumusan

Pergerakan Huatuan telah muncul sebagai satu kuasa politik Cina dalam dekad 80-an, terutamanya menjelang pilihan raya umum 1990. Keberkesanannya sebagai kuasa penggerak dan penggembang tenaga masyarakat Cina massa mampu mempengaruhi pola pengundian orang Cina. Kecenderungan itu mendorong MCA

bertindak untuk menyerapi dan melumpuhkan pergerakan Huatuan yang beraliran pendesak. Hubungan yang baik antara pucuk pimpinan MCA dengan para pemimpin ACCCIM dan GPCM membolehkan parti itu menggunakan pertubuhan-pertubuhan tersebut sebagai alat pendesak ke atas pergerakan Huatuan. Hal yang demikian telah mencetuskan penentangan di kalangan aktivis Huatuan yang ingin melihat pergerakan mereka bebas daripada pengaruh parti politik. Keadaan ini mengakibatkan pergerakan Huatuan dekad 90-an dilanda perbalahan dan pertentangan aliran kompromi dan aliran pendesak. Sejak itu penyatuan gerakan Huatuan dalam memperjuangkan kepentingan komuniti yang terbentuk dengan mantap dalam tahun 80-an telah mengalami perpecahan.

Perpecahan dan pertentangan antara aliran kompromi dan aliran pendesak menjadi dua jalur yang ketara dalam pergerakan Huatuan hingga ke masa kini. Prinsip perjuangan kedua-dua aliran ini juga didapati berbeza. Aliran kompromi yang diterajui GPCM dan ACCCIM masih mengekalkan prinsip perjuangan yang berteraskan kepentingan komunal. Manakala aliran pendesak yang diwakili Dongjiaozong didapati mewarisi dan mengembangkan semangat PBPCM yang dirintis dalam tahun 1985 dengan bertunjangkan semangat demokrasi dan hak sivil. Prinsip perjuangannya yang menjangkaui batasan komunal dan bersifat *civic* itu memberi nafas baru kepada pergerakan Huatuan kerana landasan perjuangan yang demikian berupaya menyumbang ke arah pembentukan masyarakat sivil di Malaysia.

Walau bagaimanapun perkembangan ekonomi yang mampan dan pelaksanaan dasar liberalisasi ekonomi dalam dekad 90-an secara langsung menyebabkan pergerakan Huatuan aliran kompromi lebih mendapat sambutan di

kalangan orang Cina. Dalam keadaan ini orang Cina telah mengecapi kemewahan dan keselesaan hidup. Perkembangan ini berjaya mengurangkan kritikan dan penentangan komuniti Cina terhadap kerajaan BN. Trend ini melemahkan suara perjuangan Huatuan dari aliran pendesak dan seterusnya menyaksikan orang Cina memberi sokongan yang padu kepada BN dalam pilihan raya umum 1995.

Konflik Mahathir-Anwar menampilkkan peluang reformasi politik kepada Malaysia. Namun perjuangan Huatuan aliran pendesak tidak menerjuni secara langsung ke dalam kancah politik. Kumpulan itu menerapkan satu strategi yang lebih sesuai dengan fungsinya sebagai pertubuhan sukarela. Dengan penubuhan jawatankuasa dan pelancaran Suqiu, mereka ternyata ingin memainkan peranan sebagai kumpulan kepentingan yang lebih menekankan pendekatan melobi sokongan parti pemerintah dan parti pembangkang bagi merealisasikan tuntutan dokumen tersebut. Strategi baru itu jelas menunjukkan pergerakan Huatuan telah menyisihkan pendekatan peryertaan parti pemerintah (*Sanjiehe*) dan peryertaan parti pembangkang sebagai wadah perjuangan.

Peranan dan strategi baru itu merupakan satu perkembangan baru memandangkan ia memainkan peranannya dalam masyarakat sivil yang bertujuan mencetuskan kesedaran politik dan menggembungkan penyertaan rakyat dalam politik demi pembangunan politik dan menyempurnakan sistem demokrasi di Malaysia. Suqiu mewakili satu kuasa berpengaruh dalam masyarakat Cina yang tidak harus dipandang remeh. Hakikat itu memang disedari oleh parti-parti politik BN dan BA, yang seterusnya mendorong mereka bertindak memperakukannya dengan segera.

Walaupun isu Suqiu tidak mendapat perhatian sewajarnya dalam kehangatan kempen pilihan raya umum 1999 tetapi dokumen itu tetap menjadi popular di kalangan rakyat pelbagai kaum, terutama isu itu menjadi kontroversial selepas sambutan ulang tahunnya pada 18 Ogos 2000. Buat pertama kalinya dalam sejarah perjuangan Huatuan, sebuah dokumen tuntutan begitu mendapat perhatian, perbahasan, dan sokongan/ bantahan rakyat bukan Cina. Sokongan yang diberikan itu menunjukkan rakyat bukan Cina mula melihat tuntutan itu sebagai tidak bersifat komunal dan menganggapnya sebagai suara hati rakyat sebuah negara demokrasi. Perkembangan ini bakal merintis jalan kepada para aktivis Huatuan untuk bekerjasama dengan NGO-NGO lain bagi menggubal sebuah dokumen tuntutan yang lebih menyeluruh dan merangkumi kepentingan semua rakyat di Malaysia.